


# NOKTAH HITAM: AJARAN SESAT DI SINGAPURA



# NOKTAH HITAM: AJARAN SESAT DI SINGAPURA

"Buku ini '**Noktah Hitam: Ajaran Sesat di Singapura**' adalah khusus untuk pembaca yang beragama Islam."

# NOKTAH HITAM: AJARAN SESAT DI SINGAPURA

Buku ini diterbitkan oleh MUIS dengan kerjasama PERDAUS.

© Majlis Ugama Islam Singapura  
273 Braddell Road  
Pusat Islam Singapura  
Singapura 579702  
[www.muis.gov.sg](http://www.muis.gov.sg)

Semua hakcipta terpelihara dan dilindungi  
undang-undang. Dilarang menggunakan mana-mana  
bahagian, ilustrasi atau isi kandungan dalam apa  
jua bentuk, kecuali dengan izin penerbit.

*Rekaan grafik dan cetakan oleh*  
Muhammad Media Print  
[www.m-mediaprint.com](http://www.m-mediaprint.com)

ISBN: 981-04-3919-9

# KANDUNGAN

## PENGENALAN

i - v Penerangan mengenai buku ini

## PENGANTAR 1

i - ii Dari pejabat Mufti

## PENGANTAR 2

iii - iv Kata pengantar dari Penasihat Projek & Penaung PERDAUS

## BAB 1

1 Kefahaman Asas Islam Yang Benar

## BAB 2

51 Sejarah Perkembangan Ajaran Sesat

## BAB 3

89 Tiga Bentuk Ajaran Sesat

## BAB 4

233 Jurnal – Ajaran Sesat Dalam Sorotan

275 Penyelewengan Agama Melalui Israiliyat & Pengaruh Israiliyat terhadap Ajaran-Ajaran Sesat

313 At-Tafsir Bir Ra'yi (Tafsir Menggunakan Akal), At-Tafsir Al-Isyari (Tafsir yang tersirat / Batin)

335 Pandangan Ulama Mengenai Takwil Ayat-Ayat Mutasyabihat

347 Penyelewengan As-Sunnah & Bahayanya Di Dalam Kehidupan Masyarakat Islam

369	Memahami hadits Dha'if & Hadits Maudhu' Untuk Mengelakkan Dari Penyelewengan Dalam Agama
393	Falsafah Tauhid Di Alam Melayu
403	Penyelewengan Batiniah: Induk Ajaran Sesat
425	Doktrin Emanasi Menurut Al-Farabi
439	Kajian Terhadap Beberapa Kesesatan Dalam Ajaran & Amalan Yang Bertentangan Dengan Syariat Islam
453	Masalah 'Tahdir Al-Arwah'
503	Perubatan Kerohanian Dalam Islam
511	Ajaran Sesat & Penyelewengan Aqidah: Keperluan Kepada Perspektif Yang Luas
517	Penyelewengan Aliran Kerohanian: Tasauf Falsafi

## BAB 5

533	Panduan Untuk Membuat Aduan Mengenai Ajaran Sesat
-----	---

## APPENDIKS 1


i - xviii	Keratan-keratan daripada suratkhabar & majalah
-----------	--

## APPENDIKS 2

i - xiii	Ilustrasi & rajah daripada dokumen & buku yang dirampas
----------	---

## APPENDIKS 3

i - iii	Contoh laporan ajaran sesat PERDALIS kepada MUIS & ahli-ahli
---------	--



PERDAUS (Pengurusan Persekitaran dan Daerah Awam) merupakan sebuah agensi kerajaan yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan penyelesaian kepada masyarakat umum di Singapura. PERDAUS mempunyai dua tanggungjawab utama: menguruskan persekitaran awam dan memberi perkhidmatan awam. Agensi ini beroperasi di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MOT) dan dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

## PENGENALAN

PERDAUS (Pengurusan Persekitaran dan Daerah Awam) merupakan sebuah agensi kerajaan yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan penyelesaian kepada masyarakat umum di Singapura.

PERDAUS mempunyai dua tanggungjawab utama: menguruskan persekitaran awam dan memberi perkhidmatan awam. Agensi ini beroperasi di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MOT) dan dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

**S**egala puji bagi Allah taala, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam bagi nabi Muhammad, sekalian ahli keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mengikuti jejak langkahnya.

Bahagian pengenalan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai buku ajaran sesat yang dikemukakan dari sudut objektif, konsep dan pendekatannya dan ringkasan kandungannya.

Semoga dengan kertas ini dapat memberi kefahaman umum mengenai buku ini dan penelitian yang baik mengenainya.

### Latarbelakang

Penulisan buku ini dibuat hasil dari inisiatif Pejabat Mufti MUIS yang berhasrat untuk menghasilkan sebuah buku panduan mengenai ajaran sesat bagi manfaat orang ramai. Diharapkan dari buku ini, masyarakat umum akan dapat dididik untuk mengenali bentuk-bentuk ajaran yang menyeleweng agar dapat dihindari dan dibanteras.

Pada waktu yang sama, PERDAUS juga sekian lama menyimpan hasrat untuk berkongsi bahan-bahan berkaitan ajaran sesat yang dikumpulkannya bagi manfaat orang ramai.

Hasil dari pertemuan dua hasrat yang sama, terjalinlah kerjasama PERDAUS - MUIS bagi menerbitkan buku ini.

Bagi menghasilkan buku ini, MUIS telah menyediakan gran manakala PERDAUS pula berperanan dalam bidang kajian, pengumpulan maklumat, penulisan dan penerbitan.

Dengan izin Allah dan kerjasama dari MUIS, buku ini dapat diterbitkan.

## Objektif

Buku ini bertujuan untuk memenuhi objektif berikut;

1. Menghasilkan bahan bacaan untuk masyarakat umum mengenai ajaran yang boleh menyesatkan sebagai sebahagian dari proses pendidikan umum untuk mencegah ajaran yang sedemikian dan menyedarkan mereka yang mungkin terlibat dengannya.
2. Merekodkan bahan-bahan mengenai ajaran sesat yang terkumpul di PERDAUS dan yang disimpan oleh Ust. Hj. Embek Ali.

## Kumpulan Sasaran


Kumpulan sasaran utama buku ini ialah

1. Masyarakat umum.
2. Para pelajar yang ingin mempelajari bidang Akidah, Usuluddin dan ajaran sesat.

## Konsep & Pendekatan

Buku ini ditulis berdasarkan perkara-perkara berikut;

1. Ia bukan satu buku yang lengkap mengenai ajaran sesat kerana ia ditulis berdasarkan bahan-bahan yang ada pada PERDAUS



terutama jika perkembangannya berlaku di negara lain bukan di Singapura.

2. Ia ditulis demi memenuhi keperluan bacaan masyarakat umum. Walau bagaimana pun, dalam menulis buku ini, unsur-unsur ilmiah cuba dimasukkan melalui komentar-komentar dan sumber-sumber rujukan di nota kaki. Ini bertujuan agar pembaca memahami sesuatu isu itu atas hujah dan dalil bukan setakat ikut-ikutan dan bagi membantu pembaca untuk membuat rujukan lanjut, jika ia mahu.
3. Fokus perbincangan buku ini ialah pada kandungan ajaran sesat bukan pada kumpulan ajaran sesat kerana pada kebiasaannya kumpulan ajaran sesat wujud dalam pelbagai nama sebagai samaran dan pada kebiasaannya isi kandungan ajaran sesat hampir sama walau apa jua kumpulan dan nama baginya. Adalah penting bagi pembaca memahami ajaran sesat dari mengenali kumpulan ajaran sesat kerana dengan memahami ajaran sesat bolehnya menjauhi ajaran berkenaan walau atas nama apa jua sekali pun.
4. Seberapa mampu/mungkin segala bentuk ajaran yang menyeleweng di dalam buku ini akan diusahakan jawapan terhadapnya bagi perbandingan para pembaca.
5. Komentar-komentar di nota kaki dibuat bagi mengelakkan penerangan yang berjela-jela yang mungkin membosankan pembaca.

## Ringkasan Kandungan

Buku ini dibahagikan kepada lima bab.

Bab pertama bertujuan memberi definisi yang jelas akan apa dia ajaran yang benar dan sesat. Dalam bab ini juga diuraikan secara ringkas prinsip-prinsip pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai asas pegangan yang benar sebelum mengenali ajaran yang menyeleweng. Dengan memahami prinsip-prinsip ini membolehkan pembaca menapis apa jua ajaran yang bercanggah dengannya walau pun

mungkin ia tidak dinyatakan sesat dalam buku ini.

Bab kedua bertujuan untuk memberi gambaran umum mengenai ajaran sesat dan kumpulan yang berkaitan dengannya. Ia menghuraikan sejarah perkembangan, kumpulan-kumpulan utama yang terdapat di Singapura, sifat-sifat dan ciri ajaran dan kumpulan ini, cara kumpulan ini menarik orang lain dan kandungan umum ajaran sesat yang wujud.

Bab ketiga bertujuan membincangkan secara lebih terperinci mengenai ajaran sesat dan kumpulannya. Bab ini menghuraikan kumpulan ajaran sesat, contoh-contoh ajaran sesat yang biasa terdapat dalam mana-mana ajaran sesat, buku-buku ajaran sesat dan ulasan kandungannya. Fokus ditumpukan pada aspek persamaan dari setiap ajaran-ajaran ini.

Bab keempat bertujuan mengumpulkan kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan ajaran sesat yang pernah disampaikan di Singapura atau kertas-kertas kerja lain dan bahagian tertentu dari buku yang berkaitan dengannya yang dapat mendukung dan menguatkan hujah-hujah dalam bab sebelum ini. Bab ini ditulis sedemikian dengan mengekalkan, seberapa mungkin bentuk kertas yang asal, bagi mengekalkan nilai ilmiahnya dan memelihara keaslian kertas kerja ini sebagai bahan dokumentasi.

Bab kelima adalah penutup dan bertujuan untuk memberi garis pandu kepada pembaca akan langkah-langkah yang boleh diambil bagi membanteras ajaran sesat.

Di akhir buku ini akan disertakan lampiran-lampiran yang mengandungi ilustrasi, gambar-gambar dan rajah-rajah yang berkaitan ajaran sesat.

## Penutup

Sebagai sebuah hasil usaha manusia yang lemah, buku ini pastinya tidak terlepas dari kelemahan. Adalah diharapkan agar masyarakat dapat memberi maklum balas yang membina dapat diberikan bagi membaiki isi kandungan buku ini.




dapat memberi maklum balas yang membina dapat diberikan bagi membaiki isi kandungan buku ini.


Yang baik datang dari Allah taala. Manakala segala kekurangan datang dari kami.

Semoga Allah taala mengampunkan kelemahan kami dan menerima usaha ini sebagai amal jariah yang akan menjadi saham kami di Akhirat kelak.

Wassalam

Jawatankuasa Projek  
Penerbitan Buku Ajaran Sesat  
PERDAUS





# PENGANTAR I

oleh Sohibus Samahab Tuan Syed Isa Mobj Bin Semait  
Mufti Negara Singapura

## DARI PEJABAT MUFTI

**A**jaran sesat telah wujud sejak di zaman nabi Muhammad s.a.w, antaranya ialah dengan kemunculan nabi palsu. Ia telah wujud dahulu dan akan terus wujud di masa akan datang kerana hidup ini sentiasa diwarnai oleh pertentangan antara kebenaran dan kebatilan.

Sejak MUIS ditubuhkan, aduan mengenai kewujudan ajaran sesat sentiasa diterima. Sebagai badan tertinggi hal ehwal agama Islam di Singapura, MUIS sentiasa peka terhadap aduan sedemikian dan perkembangan ajaran sesat di dalam masyarakat.

Bagi MUIS, langkah penting bagi memelihara masyarakat dari pengaruh ajaran sesat ialah dengan memberi kefahaman pada mereka akan ajaran Islam yang sebenar dan membekalkan pada mereka maklumat mengenai ajaran sesat. Dengan kefahaman dan maklumat ini, diharap akan dapat membina daya tahan dalaman dalam diri seorang Islam dari pengaruh ajaran sesat. Tiada langkah pencegahan yang lebih baik dari mengupayakan setiap individu muslim untuk menjaga diri dari penyelewengan dan kesesatan dalam beragama. Apatah lagi, tanggungjawab asal bagi mengamalkan Islam dengan cara yang benar dan menjauhi kesesatan terpikul pada bahu setiap individu itu sendiri.

Untuk membina daya tahan dalaman ini, adalah penting bagi setiap muslim untuk mempelajari agama Islam melalui kelas-kelas pengajian yang dianjurkan oleh institusi-institusi yang diakui di bawah bimbingan guru-guru yang telah dikenali dan berwibawa dalam bidang pengajian Islam. Walau bagaimana sibuk sekali pun seseorang itu, usaha untuk mendalamai agama Islam haruslah dilakukan. Oleh itu, perlulah diperuntukkan sedikit masa dalam kehidupan untuk tujuan ini. Jika tidak, maka seseorang itu pasti menghadapi risiko tinggi untuk terseleweng, bukan hanya oleh kumpulan-kumpulan ajaran sesat tetapi juga oleh ideologi-ideologi dan budaya-budaya lain yang banyak terdapat dalam masyarakat.

Dalam era globalisasi dan penggunaan teknologi maklumat yang meluas, persoalan ini menjadi satu yang semakin genting untuk difahami oleh seorang muslim.

Dalam mempertingkatkan kefahaman Islam dalam masyarakat dan memeliharanya dari penyelewengan, MUIS akan berusaha untuk memakmurkan lagi masyarakat dengan pelbagai program keagamaan dengan kerjasama pelbagai pihak. Di samping itu, MUIS sendiri akan terlibat dalam program-program pendidikan umum bagi mendorong masyarakat untuk mempertingkat kefahaman agamanya betul dan membimbing mereka akan penyelewangan-penyelewengan.

Buku ini adalah salah satu inisiatif MUIS dalam rangka program pendidikan umum masyarakat. Melalui buku ini diharap agar masyarakat dapat memahami prinsip ajaran Islam yang betul dan bentuk-bentuk ajaran sesat yang perlu dijauhi.

Buku ini diterbitkan hasil kerjasama yang erat antara MUIS dan PERDAUS, yang telah melibatkan diri dalam bidang ini sekian lama dan banyak membantu MUIS dalam bidang ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada PERDAUS dan semua pihak yang terlibat dalam usaha ini. Semoga Allah taala memberi sebaik-baik ganjaran. Semoga buku ini bermanfaat kepada semua.

Sekian, wassalamualaikum. wr. wb.



## PENGANTAR 2

oleh Haji Embek Ali  
Penasihat Projek & Penaung PERDAUS

**M**engenali dan memahami secara mendalam suatu kemungkaran adalah sebahagian dari proses untuk mencegah dan membanterasnya serta sebahagian dari usaha juga untuk menegak kebenaran dan menyuruh yang makruf.

Siapa yang tidak mengenali kemungkaran dengan baik, dia tidak akan mampu mencegahnya. Kalau ia berusaha sekali pun, ia tidak akan berjaya. Lebih buruk lagi, apabila seseorang tidak mengenali kemungkaran ia akan terpengaruh dengannya dan menerima ia sebagai kebenaran.

Begitulah juga ajaran sesat yang banyak muncul di mana-mana. Pengalaman saya selama ini dalam membanteras ajaran sesat menunjukkan bahawa kebanyakannya sebab yang menyebabkan seseorang terpengaruh dengannya ialah kerana kejihilan terhadap kesesatan di samping juga kejihilan terhadap hakikat kebenaran.

Pada pandangan saya, walau pun seseorang itu mempelajari agama Islam dengan baik melalui pengajian-pengajian yang betul tetapi tanpa mengenali akan hakikat ajaran sesat dan pemikiran yang menyeleweng, dia tetap terdedah pada risiko penyelewengan tanpa di sedari.

Maka sebab itu, pembelajaran mengenai ajaran sesat dan pemikiran



yang menyeleweng adalah sama penting dengan pembelajaran mengenai ilmu-ilmu Islam yang lain.

Para ulama dahulu menyedari hakikat ini. Maka sebab itulah, dahulu lahir pelbagai buku-buku yang mendedahkan mengenai pelbagai pemikiran-pemikiran dan ajaran-ajaran yang sesat dari agama Islam seperti buku *Al-Milal Wa An-Nihal* dan *Al-Farq Bain Al-Firaq*.

Saya berharap penerbitan buku ini yang berdasarkan bahan-bahan berkaitan ajaran sesat yang saya kumpulkan selama ini akan membantu untuk mengenalkan masyarakat akan ajaran-ajaran yang menyeleweng agar dapat dijauhi. Buku ini pastinya bukan buku pertama dan utama dalam bab ini. Saya akur bahawa telah ada buku-buku lain yang berkaitan dengan ajaran sesat yang diterbitkan sebelum ini. Saya berharap buku ini akan memperkayakan khazanah ilmu mengenai bidang ini dan menyumbang bagi penerbitan buku-buku agama oleh ulama tempatan di Singapura yang sememangnya amat berkurangan.

Perlulah saya kemukakan di sini bahawa PERDAUS dalam membanteras ajaran sesat di Singapura telah banyak mendapat kerjasama dari para pegawai Mahkamah Syariah Johor dan anggota-anggota PERDAUS yang lama.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada MUIS atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan. Begitu juga kepada sekalian mereka yang terlibat dalam projek penerbitan buku ini di kalangan aktivis dan staf PERDAUS.

Semoga buku ini menjadi amal jariah yang ditinggalkan atau ilmu yang dimanfaatkan sebagai sumber pahala bagi semua yang terlibat dalam projek ini hingga hari Kiamat kelak.

# KEFAHAMAN ASAS ISLAM YANG BENAR

## MUQADDIMAH

**S**esungguhnya ajaran Islam yang datang dari Allah s.w.t yang diturunkan melalui RasulNya adalah agama yang suci dan bersih lagi mulia, jauh dari sebarang pencemaran, kekeliruan, tasyul, khurafat dan syirik. Namun agama yang suci dan bersih ini telah dicemari dan dikelirukan oleh orang-orang yang anti dengan kemajuan dan kejayaan agama Islam serta tidak ingin melihat perkembangan kekuatan umat Islam. Tujuannya ialah untuk memecahbelahkan kepercayaan dan meleburkan keimanan orang-orang Islam serta kemudiannya memasukkan ke dalam jiwa umat Islam, fahaman-fahaman yang memesongkan dari kepercayaan dan iktikad umat Islam yang sebenarnya.

Sejak zaman Rasulullah s.a.w golongan anti Islam dan orang-orang kafir dengan niat jahat dan dengki sering menentang orang-orang Islam dan ini jelas dinyatakan dalam kitab suci Al-Quran dalam firmanNya yang berbunyi:

وَدَكَيْرِمَتْ أَهْلَ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُونَكُمْ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارٌ حَسَدًا  
مَنْ عِنْدَ أَنفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا بَيْنَ لَهُمُ الْحَقُّ

"Ramai di antara Abli Kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaualah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad s.a.w)" (Al-Baqarah : 109)

Dalam firmanNya yang berbunyi :

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ أَن يُسْمِعَ ثُورَدَهُمْ  
وَلَوْكَرَةُ الْكُفَّارُونَ

"Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya sekalipun orang-orang kafir tidak suka." (At-Taubah : 32)

وَلَن تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّى تَتَّبَعَ مِلَّهُمْ

"Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wabai Muhammad) sebingga engkau menurut agama mereka." (Al-Baqarah : 120)

Apa yang digambarkan dalam ayat-ayat tersebut di atas menunjukkan bahawa ada beberapa kumpulan manusia di muka bumi ini yang tidak suka dengan kebenaran agama Islam. Dengan itu mereka akan terus berusaha sedaya upaya untuk memperdaya umat Islam supaya mengikut kehendak mereka.

Dengan sebab itulah, mereka mengadakan berbagai-bagai cara dan jalan untuk merosakkan kepercayaan dan keperibadian umat Islam. Berkaitan dengan perkara itu baginda Rasulullah s.a.w pernah juga memberi ingatan dengan tegas - sebagaimana yang tersebut dalam salah satu haditsnya :

وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ إِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ  
(رواه أبو داود والترمذى وقال: حديث حسن صحيح)

"Jaubilah kamu dari perkara-perkara baru (dalam agama), sesungguhnya setiap bid'ah itu adalah sesat." (Riwayat At-Tirmuzi & Abu Daud)<sup>1</sup>



Aqidah adalah landasan utama kehidupan manusia. Tanpa aqidah yang sahih maka segala-galanya akan musnah dan hancur. Aqidah hampir sama dengan pengertian ideologi tetapi ideologi adalah landasan pegangan atau ciptaan manusia sendiri seperti komunisme, sosialisme dan lain-lain. Sedangkan aqidah pula ialah landasan pegangan dan perjuangan manusia yang datang langsung daripada Allah ta'ala.

Oleh kerana persoalan aqidah menyangkut persoalan keyakinan, maka pembelajaran aqidah yang benar mestilah berlandaskan wahyu iaitu samada nash-nash Al-Quran atau pun hadits-hadits nabi yang sahih.

Keupayaan akal manusia sangat terbatas. Akal manusia bukan ukuran kebenaran yang hakiki. Oleh itu faktor akal tidak dibenarkan terlalu banyak mengambil bahagian dalam perbahasan aqidah. Bukan sahaja akal semata, malahan hadits-hadits yang dha'if (lemah) pun tidak boleh dijadikan landasan pembahasan akidah kerana hadits dha'if hanya menghasilkan zan (sangkaan) bukan yakin.

## DEFINISI AJARAN SESAT

Sebelum kita membincangkan lebih lanjut mengenai ajaran sesat, eloklah diketahui apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat. Walaupun buku ini pastinya tidak dapat membincangkan semua bentuk ajaran sesat yang ada, mengetahui pengertian dan definisi ajaran sesat dalam bentuk yang umum akan membantu seseorang untuk mengenalpasti ajaran-ajaran yang menyeleweng walaupun ianya tidak tersebut dalam buku ini.

Definisi ajaran sesat ialah:

“Apa jua ajaran yang terkeluar dari aqidah dan amalan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.”

---

<sup>1</sup> Hadits ini diriwayatkan oleh Abu Daud di bahagian Sunnah, bab Melazimi Sunnah, no 4607 dan oleh At-Tirmuzi di bahagian Ilmu, bab Mengambil Sunnah dan Menjauhi Bid'ah-bid'ah, no. 2678. Terdapat juga dalam *Musnad Imam Ahmad*, jilid 4, ms 126 - 127 dan Ibn Majah di *Muqaddimah*, no 42. Lihat juga Hadits 28 dari Hadits 40 Imam An-Nawawi.

Pusat Islam Malaysia telah mendefinisikan ajaran sesat sebagai:

"Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah."<sup>2</sup>

Ustaz Hj Mohamed Amin Salleh<sup>3</sup> dalam kertas kerjanya "Ciri-Ciri Kesesatan Dalam Sesuatu Amalan/ Ajaran" di Muzakarah Kefahaman Islam anjuran PERDAUS, telah mendefinisikan ajaran sesat sebagai:

"Semua bentuk ajaran dan amalan yang didapati bertentangan dengan syariah Islam atau bertentangan dengan mana-mana sumber hukum Islam (Al-Quran, al-Hadits, ijma' ulama dan qias) sedangkan ajaran dan amalan yang bertentangan itu didakwa atau dikatakan dari ajaran Islam, serta diajarkan kepada masyarakat samada dengan cara sulit atau rahsia atau untuk ahli sahaja atau diajarkan dengan secara terbuka kepada orang ramai, seterusnya ajaran itu diamalkan atau menjadi pegangan kepada individu dan kumpulan yang berkenaan."

## PENGENALAN RINGKAS AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Secara umumnya ulama telah mendefinisikan "Ahlus Sunnah Wal Jamaah" sebagai mereka yang berpegang dan mengikuti sunnah atau perjalanan hidup Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya terutama sekali para Khulafa' ar-Rashidin.

<sup>2</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia [www.islam.gov.my/sesat/BM](http://www.islam.gov.my/sesat/BM)

<sup>3</sup> Mantan Pengarah Yayasan Dakwah Islam Małaysia dan mantan Setiausaha Agong Persatuan Ulama Malaysia.

Ini bersetujuan dengan sebuah hadits dari At-Tirmizi, yang diriwayatkan daripada 'Irbad bin Sariyah katanya:

عن أبي بحير العرياض بن ساريَة رضي الله عنه قال : وَعَطَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَوْعِظَةً وَجَلَتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ وَذَرَقَتْ مِنْهَا الْعَيْنُونَ فَقُلْنَا : يَارَسُولَ اللهِ كَانَتْ هَا مَوْعِظَةٌ مُوْدَعٌ فَأَوْصِنَا . قَالَ : " أَوْصِيْكُمْ بِتَقْوَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالسَّمْعَ وَالطَّاعَةِ ، وَإِنْ تَأْمَرُ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ فَإِنَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ فَسَيَرِي اخْتِلَافًا كَثِيرًا ، فَعَلَيْكُمْ بِسْتَنَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ ، عَضُوا عَلَيْهَا بِالنُّوَاجِدِ ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدِّثَاتِ الْأَمْوَرِ ، فَإِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ " .

(رواه أبو داود والترمذى وقال: حديث حسن صحيح)

"Babawasa pada suatu hari selepas sembahyang pagi (selepas subuh) Nabi s.a.w menyampaikan pengajaran yang cukup maksudnya, maka dari itu keluarlah air mata orang ramai, dan batil mereka pun menjadi takut, maka (dalam hal itu) berkatalah seorang lelaki, "Sesungguhnya nasibat adalah nasibat seperti nasibat mengucap selamat tinggal, apakah yang tuan bamba ingin mewasiatkan kepada kami wahai Rasulullah?" lalu Baginda s.a.w bersabda : "Aku berwasiat kepada kamu sekalian supaya bertawakal kepada Allah, supaya mendengar dan taat, walaupun ia seorang bamba abdi bangsa Habsyi (yang diangkat menjadi ketua kamu sekalian), maka sesungguhnya sesiapa dari kalangan kamu yang hidup (bila sampai masanya) ia akan melihat berlaku perselisihan yang banyak, dan bendaklah kamu berjaga-jaga daripada (mengadakan) perkara-perkara baru (dalam urusan agama), maka sesungguhnya itu adalah kesesatan; maka sesiapa dikalangan kamu yang mendapat perkara demikian itu bendaklah ia mengikuti sunnahku dan sunnah para Khulafa' ar-Rasyidin yang mendapat bidayat daripada Allah, dan bendaklah kamu berpegang kepada sunnah itu dengan gigi geraham kamu....." (Riwayat Abu Daud & At-Tirmizi. Hadits ini bertaraf Hasan Sabih di sisi At-Tirmizi)<sup>4</sup>

Dalam satu hadits lain yang terdapat dalam Sunan Ibn Majah, juga dari periyat yang sama, 'Irbad bin Sariyah r.a, perawi menggunakan kalimah "ikhtilasan shadidan" (perselisihan yang berat dan teruk) menggantikan kalimah "ikhtilasan kathiran" (perselisihan yang banyak) dan pada akhir hadis tersebut ada penambahan "Jaga-jaga lah diri kamu

*dari pada (mengada-ngadakan atau mengikut) perkara-perkara baru (dalam urusan agama), maka sesungguhnya tiap-tiap bid'ah itu adalah kesesatan".*

Walaupun wujud perbezaan dalam penggunaan kalimah<sup>5</sup>, maksudnya yang terpenting dari kedua-dua hadits diatas, adalah keperluan berpegang kepada sunnah baginda Rasulullah s.a.w, atsar para Al-Khulafa' Ar-Rashidin, pendapat para sahabat r.a dan ijma' para ulama' Salaf, yang berada pada jalan manhaj sunnah Rasulullah s.a.w dan para Khulafa' Ar-Rashidin.

Al-Ustaz Sheikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz dalam soal jawab mengenai siapakah "Al-Firqah An-Najiyah" (golongan yang selamat), berkata

*"Mereka adalah dimana dalam aqidahnya, ucapannya, amalannya, akhlaknya berjalan bersesuaian dengan manhaj Rasululullah s.a.w, para sahabat serta tetap mengikuti Jama'atul Muslimin. Mereka tidak terseret dengan mengikuti prasangka dusta, bawa nafsu yang menyesatkan, dan penafsiran serta pentakwilan batil yang tidak bertepatan dengan ijma' jumbur ulama, kaedah bahasa Al-Quran (bahasa Arab) dan prinsip-prinsip syariah. Namun jika ikhtilaf dalam persoalan ijtihad yang ada nash syara' yang sabib ia seharusnya saling bermaafan."<sup>6</sup>*

## DAFTAR RINGKAS FAHAMAN AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Di bawah ini dinyatakan secara umum, iktikad dan fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah;

<sup>4</sup> Hadits ini diriwayatkan oleh Abu Daud di bahagian Sunnah, bab Melazim Sunnah, no 4607 dan oleh At-Turmuzi di bahagian Ilmu, bab Mengambil Sunnah dan Menjauhi Bid'ah-bid'ah, no. 2678. Terdapat juga dalam Musnad Imam Abmad, jilid 4, ms 126 - 127 dan Ibn Majah di Muqaddimah, no 42. Lihat juga Hadits 28 dari Hadits 40 Imam An-Nawawi.

<sup>5</sup> Muhammad 'Uthman El-Muhammadi, *Sejarah dan Konsep Ablis Sunnah Wa'l Jama'ah*, terbitan BHEIS, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia (1996)



## Fahaman Dalam Pengambilan Dalil & Aqidah

1. Sumber aqidah adalah kitab Allah (Al-Quran), sunnah Rasulallah s.a.w yang sahih dan ijma' para salaf yang salih.
2. Setiap sunnah yang sahih yang berasal dari Rasulullah s.a.w wajib diterima, sekalipun "Abad" (tidak Mutawatir).
3. Yang menjadi rujukan dalam memahami Al-Quran dan As-Sunnah ialah nash-nash (teks Al-Quran dan hadits) yang menjelaskannya, pemahaman para salaf, para imam yang mengikuti jejak mereka, serta dari sudut bahasa Arab.
4. Prinsip-prinsip agama (*usuluddin*) semuanya telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. Siapa pun tidak berhak mengadakan sesuatu yang baru dalam urusan agama, apalagi sampai mendakwa kononnya hal tersebut termasuk sebahagian daripada agama.
5. Berserah diri dan patuh hanya kepada Allah dan RasulNya secara zahir dan batin. Tidak menolak sedikit pun segala yang datang dari Al-Quran dan sunnah yang sahih, samada dengan *qias* (analogi), *dza'uq* (perasaan), *kasyaf* (penyingkapan perkara ghaib), pandangan tuan guru (syeikh) atau para Imam dan lain-lain.<sup>6</sup>
6. Akal yang sejahtera akan sesuai dengan dalil *naqli* (nash) yang sahih. Sesuatu yang *qati'i* (pasti) daripada kedua-duanya tidak akan bertentangan. Sekiranya dirasakan seperti ada pertentangan antara keduanya maka dalil *naqli* (nash) hendaklah didahulukan daripada akal.
7. Rasulullah s.a.w adalah *ma'shum* (dipelihara Allah dari kesalahan), demikian juga umat Islam adalah *ma'shum* daripada kesepakatan di atas dhalalah (kesesatan). Ada pun secara perseorangan (individu) tidak ada di antara mereka yang *ma'shum*. Jika terdapat perbedaan pendapat di antara para Imam maka perkara

<sup>6</sup> Lujnah Ad-Da'imah lil Buhutsil Ilmiyah Wal Ifta', Al-Firqah An-Najiyah, Saudi Arabia.

tersebut mestilah dikembalikan pada Al-Kitab dan As-Sunnah. Kita hendaklah bersangka baik dan bersedia memaafkan jika terdapat kekeliruan atau kesalahan di kalangan para mujtahidin.

8. Ada di antara umat kita yang memperolehi ilham daripada Allah dan *ru'ya salihah* (mimpi yang baik). Ini benar dan termasuk salah satu bahagian daripada kenabian. Firasat yang baik adalah benar. Ini semua adalah karamah (kemuliaan daripada Allah dan satu petanda baik) dengan syarat tidak bertentangan dengan syari'at dan tidak pula menjadi sumber aqidah mahupun hukum<sup>7</sup>. Rasulullah s.a.w bersabda

لَمْ يَقِنْ مِنَ النُّبُوَّةِ إِلَّا الْمُبَشِّرَاتُ قِيلَ وَمَا الْمُبَشِّرَاتِ يَأْرَسُولُ اللَّهِ  
قَالَ الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ يَرَاهَا الْمُؤْمِنُ أَوْ تُرَى لَهُ (رواه البخاري)

"Tidak ada lagi kenabian kecuali mubasysyirat. Ditanyakan 'Apakah mubasysyirat itu, wabai Rasulullah? Beliau bersabda 'Mimpi yang benar, iaitu apa yang dilihat oleh seorang mukmin (dalam mimpi), atau apa yang diperlihatkan kepadanya.' (Riwayat Al-Bukhari)

Rasulullah s.a.w bersabda lagi;

الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ جُزْءٌ مِنْ سِتَّةِ وَأَرْبَعِينَ جُزْءًا مِنَ النُّبُوَّةِ (رواه البخاري)

"Mimpi yang benar adalah salah satu bahagian dari empat puluh enam bahagian kenabian." (Riwayat Al-Bukhari)

9. Berdebat untuk menimbulkan keraguan dalam agama adalah tercela tetapi berdebat dengan cara yang baik untuk mencari kebenaran adalah disyariatkan. Perkara yang dilarang oleh nash untuk mendalaminya wajib diterima dan wajib menahan diri daripadanya. Seorang Muslim mestilah menyerahkan pengetahuan tersebut kepada Allah yang Maha Mengetahui.

---

<sup>7</sup> Lihat buku Dr. Yusuf Al-Qaradawi, *Mauqif Al-Islam Min Al-Ilbam Wa Al-Kasy Wa Ar-Ru'ya Wa Min At-Tama'im Wa Al-Kabanah Wa Ar-Ruqa*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1994.

10. Ahlus Sunnah Wal Jamaah mestilah senantiasa berpandukan manhaj (method) wahyu dalam mereka menyampaikan sanggahan, dalam aqidah dan dalam menjelaskan suatu masalah. Kerana itu bid'ah tidak boleh dibalas dengan bid'ah pula, tafrith (kekurangan) dilawan dengan ghuluw (berlebih-lebihan), ataupun sebaliknya.
11. Setiap perkara baru yang tidak ada sebelumnya dalam agama adalah bid'ah. Setiap bid'ah adalah kesesatan dan setiap kesesatan dalam neraka.

## Fahaman Dalam Iman Kepada Allah ta'ala

12. Iman ialah mengikrarkan dengan lisan dan membenarkan dengan hati. Iman yang sempurna ialah mengikrarkan dengan lisan, membenarkan dengan hati dan mengerjakan dengan anggota.
13. Allah ta'ala Maha Esa. Tidak ada seorang pun yang menjadi sekutu bagiNya, samada dalam ciptaan dan kekuasaan, dalam penghambaan dan pengabdian kepadaNya, serta dalam asma dan sifatNya. Dia lah Rabb semesta alam. Hanya Dia sendiri yang berhak dengan segala macam ibadah.
14. Mempersebahkan ibadah, seperti berdoa, meminta pelindungan, memohon pertolongan, bernazar, menyembelih korban, tawakal, takut dan berharap kepada selain daripada Allah adalah perbuatan syirik, walaupun perbuatan tersebut ditujukan kepada para malaikat, para nabi atau hamba-hambaNya yang salih.
15. Salah satu sendi utama ibadah kepada Allah ialah beribadah kepada Allah dengan penuh rasa cinta, ikhlas, takut dan penuh rasa harap. Beribadah kepada Allah dengan sebahagian daripada rasa tadi tanpa yang lain adalah kesesatan.
16. Wajib mengetahui makna dua kalimah syahadah.

Firman Allah s.w.t:

فَاعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

"Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Allah.  
(Muhammad:19)


Mengetahui bererti mengenali pengertiannya. Makna syahadah (tiada Tuhan melainkan Allah) secara ringkas ialah:

*"Saya mengaku dengan hati bahawa yang disembah (diabdikan) sebenar-benarnya ialah Allah ta'ala yang Maha Esa".*

Manakala makna syahadah Nabi Muhammad Rasulullah ialah:

*"Saya mengaku dengan lidah dan tunduk patuh dengan hati bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah pesuruh Allah yang diutus oleh Allah untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cabaya iaitu dari kejabilan kepada mengetahui dan dari kekafiran kepada Islam".*

17. Yang dimaksudkan dengan dua kalimah syahadah ialah menafikan ketuhanan kepada sesuatu selain Allah dan menetapkan bahawa sifat ketuhanan hanya bagi Allah sahaja. Di samping itu hendaklah mengaku kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Iman dan Islam dikira tidak sah tanpa syahadah (tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah).
18. Barangsiapa tidak bersedia mengucapkan dua kalimah syahadah maka dia tidak berhak memperolehi sebutan sebagai orang yang beriman. Dia juga tidak dihukumkan sebagai orang yang beriman, samada di dunia maupun di akhirat.
19. Hendaklah diketahui bahwa menutur dua kalimah syahadah setelah baligh (sampai umur) adalah satu fardu (wajib) sekali seumur hidup, bagi tiap-tiap mukallaf, dengan niat fardu. Sekiranya tidak, ia dikira menderhaka sepanjang hidupnya dan sekiranya ia mati maka ia dikira dalam keadaan menderhaka.
20. Barangsiapa yang menyatakan bahawa amal perbuatan tidak termasuk iman maka dia adalah seorang yang berfahaman



Murjiah. Barangsiapa yang memasukkan ke dalam iman sesuatu yang tidak termasuk didalamnya maka dia adalah seorang Mubtadi' (orang yang melakukan bid'ah).

21. Allah (Lafzul-Jalalah) adalah nama bagi Tuhan Yang Maha Esa. Allah juga mempunyai 99 nama. Ini berdasarkan pada hadits Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةَ وَتِسْعِينَ اسْمًا مِنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ  
(رواه البخاري والترمذى)

- "Bagi Allah mempunyai 99 nama. Barangsiapa mengafal semuanya akan dimasukkan syurga"<sup>8</sup> (Riwayat Al-Bukhari & At-Tirmizi)

- Nama Tuhan tidak boleh dibuat-buat oleh manusia, tetapi harus sebagai yang telah ditetapkan Tuhan dalam Al-Quran dan hadits-hadits Nabi yang sahih.

22. Kita ummat Islam boleh berdoa (menyeru) pada salah satu dari nama-nama yang 99 ini, umpamanya Ya Lathif, Ya Lathif, atau Ya Rahim Ya Rahman, Ya Wadud dan lain-lain yang sebagainya.
23. Tuhan mempunyai banyak sifat, yang boleh disimpulkan dengan perkataan : Tuhan mempunyai sifat-sifat Jalal (kebesaran), Jamal (keindahan) dan Kamal (kesempurnaan).
24. Sifat yang wajib diketahui oleh sekalian mukmin yang baligh dan berakal adalah 20 sifat ; 20 sifat yang wajib ada bagiNya dan yang mustahil (tidak mungkin) ada bagiNya. Dan satu lagi sifat yang harus ada bagiNya:
- Wujud*, ertinya Ada, mustahil la 'Adam ertinya Tidak Ada.
  - Qidam*, ertinya Tidak Berpermulaan AdaNya, mustahil la *Hadits* ertinya AdaNya Berpermulaan.
  - Baq'a*, ertinya Tidak Berkesudahan Ada-Nya (Kekal), mustahil la *Fana'* adaNya berkesudahan.

<sup>8</sup> Lihat Al-Bukhari, *Sabib Al-Bukhari*, Matba'ah Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Kaheerah, 1936M, juz 4, ms 195 dan At-Tirmizi, *Sabib At-Tirmizi*, Matba'ah Misriah, Kaherah, 1349H, juz 13, ms 37 - 42

- d. *Mukhalafatubu Ta'ala Lilhawaditsi*, ertinya Ia Berlainan Dengan Sekalian Makhluk, mustahil Ia *Mumatsalatubu Lil Hawaditsi* ertinya Serupa Dengan MakhlukNya.
- e. *Qiyamubu Binafsibi*, ertinya Ia Berdiri Dengan Sendiri, mustahil Ia *Ibtiyajubu Lighairibi* ertinya Berdiri Di Atas Zat Lain.
- f. *Wabdaniyah*, ertinya Ia Esa, mustahil Ia *Ta'addud* ertinya Banyak.
- g. *Qudrat*, ertinya Berkusa, mustahil Ia 'Ajz ertinya Tidak Berkusa (Lemah).
- h. *Iradat*, ertinya Menentukan Sendiri Dengan KehendakNya, mustahil Ia *Ikrab* ertinya Terpaksa.
- i. *Ilmu*, ertinya Ia Tahu, mustahil Ia *Jablu* ertinya Tidak Tahu.
- j. *Hayat*, ertinya Hidup, mustahil Ia *Maut* ertinya Mati.
- k. *Sama'*, ertinya Mendengar, mustahil Ia *Asom* ertinya Pekak.
- l. *Basar*, ertinya Melihat, mustahil Ia *A'ama* ertinya Buta.
- m. *Kalam*, ertinya Berkata-kata, mustahil Ia *Abkam* ertinya Bisu.
- n. *Kaunubu Qadiran*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Berkusa, mustahil Ia *Kaunubu 'Ajizan* ertinya Dalam Keadaan Tidak Berkusa (Lemah).
- o. *Kaunubu Muridan*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Mempunyai Iradat, mustahil Ia *Kaunubu Mukraban* ertinya Dalam Keadaan Yang Tidak Mempunyai Iradat.
- p. *Kaunubu Aliman*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Tahu, mustahil Ia *Kaunubu Jabilan* ertinya Dalam Keadaan Yang Tidak Tahu.
- q. *Kaunubu Hayyan*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Hidup, mustahil Ia *Kaunubu Mayyitan* ertinya Dalam Keadaan Yang Mati.
- r. *Kaunubu Sami'an*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Mendengar, mustahil Ia *Kaunubu Asom* ertinya Dalam Keadaan Yang Tidak Mendengar (Pekak).
- s. *Kaunubu Basbiran*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Melihat, mustahil Ia *Kaunubu A'ama* ertinya Dalam Keadaan Yang Tidak Melihat (Buta).
- t. *Kaunubu Mutakalliman*, ertinya Ia Dalam Keadaan Yang Berkata, mustahil Ia *Kaunubu Abkam* ertinya Dalam Keadaan Yang Tidak Berkata (Bisu).

25. Demikian 20 sifat yang wajib (mesti ada) bagi Allah dan 20

sifat yang mustahil (tidak mungkin ada) bagi Allah.

26. Sifat yang harus bagi Allah hanyalah satu, iaitu "Ia Boleh Memperbuat Dan Boleh Pula Tidak Memperbuat".
27. Prinsip dalam "Al-Asma' Was Sifaat" (nama-nama dan sifat-sifat Allah) adalah itsbat (menetapkan) apa yang ditetapkan oleh Allah untuk diriNya atau apa yang ditetapkan oleh Rasulallah s.a.w tanpa tamtsil (mempersamakannya dengan makhluk) dan tanpa takyif (mempertanyakan bagaimana sifat Allah). Juga menolak (nafi) yang ditolak oleh Allah daripada diriNya dan yang ditolak oleh Rasulallah s.a.w tanpa tabris (mengubah lafaz atau menyelewangkan makna sifat Allah) dan tanpa ta'tib (mengingkari seluruh atau sebahagian sifat Allah). Hal ini dengan mengimani makna lafaz-lafaz yang dikandung oleh nash. Sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah s.w.t :

*لَيْسَ كَمِثْلُهُ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ*

"Tiada ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (Asy-Syura : 11)

28. Tamtsil (menyerupakan) dan ta'tib (mengurang) dalam *asma'* dan sifat Allah adalah kufur. Tabris (penyelewengan makna) yang disebut oleh ahli bid'ah sebagai takwil, ada yang kufur hukumnya seperti takwil orang-orang kebatinan, ada pula yang bid'ah dan sesat seperti takwil orang-orang yang tidak mengakui sifat-sifat Allah dan ada pula yang terjadi kerana kekeliruan.
29. Fahaman Kesatuan *Wujud* (*Wahdatul Wujud* - Pantheisme) atau kepercayaan bahawa Allah berada pada sesuatu makhluk-Nya atau Dia bersatu dengannya adalah perbuatan kufur yang menyebabkan seseorang keluar dari Islam.
30. Tuhan bersama namaNya dan sifatNya, semuanya Qadim, kerana nama dan sifat itu berdiri di atas zat yang Qadim. Maka kerana itu sekalian sifat Tuhan adalah Qadim, Tidak Berpermulaan Adanya.

31. Kalau terdapat ayat-ayat Al-Quran Al-Karim yang seolah-olah menyatakan bahwa Tuhan itu bertubuh serupa manusia, atau bertangan rupa manusia, atau turun serupa manusia, maka ulama-ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah mentakwilkan atau menafsirkan ayat itu secara *majazi* (kiasan), iaitu bukan menurut asal erti dari perkataan itu, sesudah itu diserahkan kepada Tuhan apakah yang sebenarnya dimaksudkanNya dari ayat-ayat itu.
32. Misalnya ayat yang mengatakan "Tuhan bermuka", maka maksudnya ialah Zat yang Qadim yang tidak serupa dengan makhlukNya. Kalau terdapat "Tuhan bertangan" maka maksudnya "Tuhan berkuasa", kerana tangan itu biasanya alat kekuasaan. Kalau berjumpa ayat yang mengatakan "Tuhan duduk di atas 'Arasy" maka maksudnya ialah "Tuhan menguasai 'Arasy", kalau terjumpa ayat atau hadits yang mengatakan "Tuhan turun", maka yang turun adalah Rahmat-Nya, bukan batang tubuhNya. Kalau terjumpa ayat yang mengatakan "Tuhan itu cahaya", maka maksudnya ialah "Tuhan itu memberi cahaya", begitulah seterusnya<sup>9</sup>.

Hal ini sangat dianggap perlu, agar kita jangan termasuk golongan kaum *Musyabbibah* atau *Mujassimah* yang menetapkan ada keserupaan Tuhan dengan makhluk. Dalam surah Asy-Syura, ayat 11 dinyatakan dengan terang bahwa tiada suatu pun yang menyerupai Tuhan dan Tuhan tidak serupa dengan makhluk-Nya tetapi dalam mengertikan atau mentakwilkan ayat ini janganlah memakai sembarang takwil, hendaknya diperhatikan kitab-kitab tafsir Ahlus Sunnah yang dipercayai, umpamanya kitab Tafsir At-Tabari, Tafsir Al-Qurtubi, Tafsir Jalalain, Tafsir Khazin dan lain-lain sebagainya.

---

<sup>9</sup> Ini adalah pandangan golongan Khalaf dari Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Terdapat juga di kalangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang berpegang pada makna zahir dari ayat berkenaan seperti 'tangan' tetapi berkeyakinan bahawa tangan itu sama sekali tidak menyerupai tangan mana-mana makhluk kerana Allah tidak menyerupai sesuatu apa pun dan bertawajuf atau menyerahkan pengertian yang sebenarnya kepada Allah s.w.t.



## Fahaman Dalam Persoalan Iman Kepada Para Malaikat

33. Wajib dipercayai bahwa Malaikat ada dan jumlah mereka banyak. Tetapi yang wajib dipercayai secara terperinci hanyalah 10 malaikat iaitu Jibril, Mikail, Israfil, Izrail, Munkar, Nakir, Raqib, Atid, Malik dan Ridwan.

## Fahaman Dalam Persoalan Iman Kepada Kitab-kitab

34. Wajib dipercayai adanya kitab-kitab suci yang diturunkan Al-Jah kepada rasul-rasulnya untuk disampaikan kepada kaumnya. Kitab-kitab suci ini banyak, tetapi yang wajib diketahui secara terperinci adalah 4, iaitu:
- a. Kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s.
  - b. Kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud a.s.
  - c. Kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa a.s.
  - d. Kitab Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.
35. Iman kepada seluruh kitab yang diturunkan oleh Allah. Mengimani bahawa Al-Quran adalah kitab yang paling mulia daripada semua dan dia adalah pemansuh (*nasikh*) terhadap semua kitab-kitab terdahulu. Kitab-kitab sebelum Al-Quran telah mengalami perubahan dan penyelewengan. Oleh sebab itu, kita wajib mengikuti Al-Quran dan tidak mengikuti kitab-kitab sebelumnya.
36. Al-Quran wajib ditafsirkan menurut cara yang telah dikenal dalam kaedah Salaf. Al-Quran tidak boleh ditafsirkan dengan hanya menggunakan akal sahaja. Hal ini termasuk ke dalam bab memperkatakan tentang Allah tanpa dasar ilmu. Mentakwilkan Al-Quran dengan cara seperti pentakwilan kebatinan adalah kesesatan.
37. Al-Quran al-Karim adalah Kalam Allah yang Qadim. Adapun yang tertulis dalam mashaf, yang terpakai huruf dan suara adalah gambaran dari Al-Quran yang Qadim itu. Kerana itu Al-Quran al-Karim dikatakan Qadim dan tidak boleh dikatakan sebagai makhluk.

## Fahaman Dalam Persoalan Iman Kepada Para Nabi & Nabi Muhammad s.a.w

38. Ahlus Sunnah Wal Jamaah mempercayai sekalian rasul-rasul yang diutus Allah kepada manusia. Jumlah mereka adalah ramai sekali. Ada yang diterangkan oleh Allah kepada kita dan ada pula yang tidak diterangkan. Yang wajib diketahui secara terperinci adalah 25 Rasul yang dinyatakan dalam Al-Quran.
39. Mengimani bahawa wahyu telah terputus semenjak wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. Beliau adalah nabi dan rasul terakhir. Orang yang tidak berkeyakinan demikian adalah kafir.
40. Hendaklah beriktikad wujudnya mukjizat para nabi. Mukjizat ialah perkara luar biasa yang lahir daripada orang yang mendakwa dirinya nabi, bertepatan dengan apa yang didakwanya, serta tidak mampu orang-orang yang ingkar mendatangkan perkara tersebut (mukjizat) seperti Nabi Ibrahim tidak terbakar oleh api, Nabi Isa pandai menghidupkan orang yang sudah mati, Nabi Musa mampu menjadikan tongkatnya menjadi ular, Nabi Muhammad s.a.w dengan kitab sucinya Al-Quran yang tidak dapat ditiru oleh orang pandai-pandai, air keluar dari anak jari beliau, membelah bulan, matahari terhenti berjalan dan lain-lain sebagainya.
41. Nabi Adam adalah manusia yang pertama dijadikan Allah dari tanah. Kemudian disempurnakannya, ditiupkan ruh, seterusnya diperintahkan malaikat supaya sujud kepadanya. Dengan ini sesiapa yang menyangka bahawa manusia itu terjadi dari evolusi sel-sel yang halus susunannya adalah murtad.
42. Mengutus rasul-rasul adalah suatu kurnia Tuhan kepada hambaNya, untuk menunjuki jalan yang lurus. Bukanlah menjadi kewajipan Tuhan untuk mengutus rasul-rasul itu.
43. Kerasulan seorang rasul adalah kurnia dari Tuhan. Pangkat itu tidak didapati melalui usaha, umpamanya dengan masuk sekolah, bertapa dan lain-lain.

44. Nabi Muhammad s.a.w adalah nabi yang penghabisan. Tidak ada lagi pangkat kenabian dan kerasulan, begitu juga nabi-nabi pembantu sesudah Nabi Muhammad s.a.w. Sesiapa yang mendakwakan dirinya nabi atau rasul, baik nabi yang bersendiri atau nabi untuk menjalankan syariat Nabi Muhammad s.a.w maka orang itu pembohong, yang wajib ditentang.
45. Beriktikad bahawa Nabi Muhammad s.a.w diutus sebagai rahmat kepada sekalian alam, di mana dengan kedatangannya terangkatlah balasan azab yang menghapuskan sama sekali orang-orang kafir di dunia (azab yang pernah diturunkan kepada umat-umat dulu sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w.). Juga dengan terutusnya, beliau nabi terakhir di dunia dan di akhirat.
46. Wajib diketahui dan diyakini oleh seluruh ummat Islam bahawa Nabi Muhammad s.a.w lahir di Mekkah. Sesudah berusia 40 tahun beliau diangkat menjadi rasul, lalu diturunkan kepada beliau ayat-ayat Al-Quran berturut-turut selama 23 tahun. Sesudah 13 tahun menjadi rasul beliau pindah ke Madinah, menetap dan wafat di sana. Beliau wafat tahun dalam usia 63 tahun, sesudah melakukan tugas selama 23 Makam perkuburan Nabi Muhammad s.a.w. di Madinah, dalam lingkungan Masjid Madinah sekarang. Setiap orang Islam boleh menziarahinya.
47. Nabi Muhammad s.a.w. adalah manusia serupa kita, bukan malaikat. Beliau makan, minum, tidur, kawin mempunyai keluarga serupa manusia biasa. Akan tetapi kemanusiaan beliau adalah luar biasa. Rohaniyah dan jasmaniyah beliau luar biasa kuatnya, kerana kepada beliau diturunkan wahyu Illahi, yang kalau diturunkan kepada bukit niscaya bukit itu akan hancur lebur. Ahlus Sunah Wal Jamaah menganggap bahwa Nabi Muhammad s.a.w. walaupun manusia serupa kita, tetapi beliau adalah "Saidul Khalaik", makhluk Tuhan yang termulia dibanding yang lain-lain.
48. Silsilah nenek-nenek Nabi adalah: Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muthalib, bin Hasyim bin Abdu Manaf bin Qusai bin Kilab bin Marrah bin Ka'ab bin Luai bin Galib bin Fihir bin Malik bin Nadar bin Kinanah bin Khuza'imah bin Mudrikah



bin Ilyas bin Mudar bin Ma'ad bin Adnan. Dari pihak ibu adalah Muhammad bin Aminah binti Wahab bin Abdu Manaf bin Zahrah bin Kilab (nenek Nabi yang ke-enam dari pihak bapak).

49. Isteri-isteri Nabi dari mula kahwin sampai wafat adalah: Ummul Mukminin Khadijah binti Khuwailid, Aisyah binti Abu Bakar, Hafsa binti Umar, Ummu Salamah binti Abi Umaiyah, Ummu Habibah binti Abu Sofyan, Saudah binti Zam'ah, Zainab binti Jahasy, Zainab binti Khuzaimah, Maimunah binti Hariths, Juwaitiyah binti Harts, dan Saifiyah binti Hay r.a.
50. Anak-anak Nabi Muhammad s.a.w. adalah Zainab, Ruqayah, Ummu Kaltsum, Fatimah, Qasim, Abdullah dan Ibrahim r.a.
51. Nabi Muhammad s.a.w. diutus oleh Tuhan kepada seluruh manusia, bukan untuk satu-satu suku, atau kumpulan.
52. Hendaklah beriman terhadap peristiwa Isra' dan Mi'raj. Isra' ialah perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dari Makkah Al-Mukarramah ke Masjid Al-Aqsa di Baitul Maqdis yang dijalankan oleh Allah s.w.t. Orang-orang yang mengingkari Isra' ini adalah kafir kerana Isra' itu telah tsabit (tetap) dalam Al-Quran seperti firman Allah s.w.t

**سَيَّرَنَا اللَّهُ الَّذِي أَسْرَى بِنَا إِلَيْهِ لَلَّا مِنْ بَعْدِهِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَيْهِ أَنْدَلَّتِ الْأَقْصَى الَّذِي بَرَكَنَا حَوْلَهُ**

"Maha suci Allah yang telah memperjalankan bamba-Nya pada suatu malam dari Al-Masjid Haran ke Masjid Aqsa yang kami telah berkati sekelilingnya." (Al-Isra': 1)

53. Nabi Muhammad s.a.w Mi'raj ke langit melalui Baitul Maqdis (Palestin) pada 27 Rejab dan kembali malam itu juga ke dunia membawa perintah sembahyang 5 kali sehari semalam. Beliau Mi'raj dengan tubuh dan ruhnya.
54. Nabi Muhammad s.a.w. memberi syafa'at (bantuan) nanti di akhirat kepada seluruh manusia. Syafa'at itu bermacam-macam,



di antaranya menyegerakan hisab di Padang Mahsyar.

55. Wajib diyakini bahawa yang paling mulia di antara makhluk Tuhan ialah Nabi Muhammad s.a.w. Sesudah itu rasul-rasul lain, sesudah itu nabi-nabi, sesudah itu malaikat-malaikat, dan sesudah itu manusia yang lain.
56. Hendaklah mengiktikadkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. hidup dalam kubur dengan kehidupan alam barzakh. Bagaimana tidak, sedangkan baginda adalah ketua sekelian manusia, baik yang dulu atau yang kemudian, baik bagi para nabi, atau golongan *siddiqin* (golongan yang benar) atau para *syuhada* atau golongan soleh. Allah telah menjelaskan tentang orang-orang yang mati syahid. Firman Allah s.w.t:

**بَلْ أَحْيَاهُ عِنْدَ رَبِّهِمْ بِرَزْقٍ**

"Mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki." (Ali-Imran: 169)

Firman Allah s.w.t:

**وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاهُ وَلَكِنَّ لَا يَشْعُرُونَ**

"Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur di jalan Allah, (bahawa mereka itu) mati, bakkannya (sebenarnya) mereka itu hidup tetapi kamu tidak menyadarinya." (Al-Baqarah: 154)

Menurut Abu Ya'la di dalam musnadnya dari Anas bin Malik r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud

"Para nabi itu hidup di kubur mereka bersembab yang."

Dalam Jami' As-Saghir oleh Imam As-Sayuti menyatakan hadits ini Hasan dan menurut Al-Manawi, hadits ini adalah Sahih.

## Fahaman Dalam Persoalan Iman kepada Hari Akhirat & Perkara Ghaib

57. Setiap orang Islam wajib mempercayai hari Akhirat. Permulaan hari Akhirat itu bagi setiap manusia adalah sesudah mati, iaitu:

- a. Setiap orang akan mati apabila jangka usianya sudah habis iaitu telah sampai ajal.
- b. Setelah mati dan dikubur, akan melalui soalan-soalan kubur.
- c. Orang yang jahat akan disiksa di dalam kubur.
- d. Kemudian pada suatu waktu akan terjadi kiamat besar, di mana dunia akan hancur lebur dan semua makhluk yang ada di dunia akan mati.
- e. Kemudian pada suatu waktu puia akan dibunyikan terompet sehingga kesemua orang yang mati bangun kembali dan berkumpul di Padang Mahsyar.
- f. Akan diadakan hisab, perhitungan dosa dan pahala.
- g. Di Padang Mahsyar itu akan ada syafa'at (bantuan) dari Nabi Muhammad s.a.w. dengan izin Tuhan.
- h. Akan ada timbangam untuk menimbang dosa dan pahala.
- i. Akan ada titian Sirat Al-Mustaqim, yang dibentangkan di atas Neraka yang dilalui oleh sekalian manusia.
- j. Akan ada telaga Kautsar, kepunyaan Nabi Muhammad s.a.w di dalam Syurga, di mana orang-orang beriman akan dapat minum.
- k. Yang lulus ujian terus langsung selamat meniti dan masuk Syurga Jannatun Na'im, tetapi yang kafir akan jatuh ke dalam Neraka.
- l. Orang yang baik langsung masuk Syurga dan kekal selama-lamanya.
- m. Orang kafir langsung masuk Neraka dan kekal selama-lamanya.
- n. Orang mukmin yang berdosa dan mati sebelum taubat, akan masuk ke dalam Neraka buat sementara dan sehabis hukuman akan dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam Syurga buat selama-lamanya.
- o. Orang mukmin yang baik-baik akan diberi nikmat apa saja yang ia sukai, dan akan diberi lagi nikmat tambahan yang paling besar dan paling lazat, iaitu melihat Allah s.w.t.

Demikian secara ringkas tentang hari akhirat dan perkara-perkara yang wajib kita beriman mengenainya.

58. Tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui sesuatu yang ghaib selain daripada Allah s.w.t semata. Mempercayai ada

seseorang selain dari Allah s.w.t yang dapat mengetahui hal-hal ghaib (secara mutlak) adalah perbuatan syirik. Seorang Mukmin beriman bahawa Allah s.w.t telah memberitahu sebahagian daripada perkara ghaib kepada sebahagian rasul-Nya.

59. Hendaklah beriman tentang Hari Kebangkitan, perhimpunan, perhitungan timbangan amal, neraca, (kesemua hakikat ini Allah sahaja yang mengetahui). Juga hendaklah beriman terhadap kedahsyatan huru-hara di Padang Mahsyar, pemberian buku catitan (suratan amal) kepada setiap orang, di mana orang-orang mukmin akan menerima dari sebelah kanan manakala orang kafir akan menerima dari sebelah kiri.
60. Bangkit sesudah mati berlaku hanya satu kali. Manusia mulanya tidak ada, kemudian lahir ke dunia, sesudah itu mati, sesudah bangkit (hidup) kembali berkumpul di Padang Mahsyar, sesuai dengan ayat Al-Quran pada surah Al-Baqarah, ayat ke 28. Pendeknya manusia kalau sudah mati, tidak akan hidup lagi walaupun menyerupai binatang atau apa saja. Mereka hidup semula pada hari Kiyamat apabila dibunyikan nafir oleh malaikat Israfil.
61. Hendaklah beriktikad bahawa orang-orang yang dibunuh di jalan Allah hidup kerana mereka itu adalah orang-orang yang mati syahid. Firman Allah s.w.t:

**بَلْ أَحْيَاهُمْ مِنْ دُرَجَاتٍ**

"Mereka itu hidup di sisi Tubanya dengan mendapat rezeki." (Ali-Imran: 169)

62. Hendaklah beriman wujudnya azab kubur dan nikmatnya. Firman Allah s.w.t:

**فَوَقَّهُ اللَّهُ سَيِّعَاتٍ مَا مَكَرُوا وَحَاقَ بِتَالِ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ  
أَنَّا نَأْرُى يُعَرْضُونَ عَلَيْهَا عُذُولًا وَعَشِيشًا وَيَوْمَ تَقْسُمُ الْأَسَاعَةُ أَذْخُلُوا إِلَيْهَا  
فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ**

"Maka Allah memelibaranya dari kejahatan tipu daya mereka, dan

Firaun beserta kaumnya dikepung oleh azab yang amat buruk. Kepada mereka dinampakkan neraka pada pagi dan petang pada hari terjadinya kiamat. Dikatakan kepada malaikat: "Masukkanlah Firaun dan kaumnya ke dalam azab yang sangat keras." (Ghafir: 45-46)

63. Upah (pahala) yang diberikan Tuhan kepada orang yang salih bukanlah kerana Tuhan terpaksa untuk memberikannya dan bukan pula berkewajipan untuk membala jasa orang itu. Begitu juga hukuman bagi orang yang durhaka tidaklah Tuhan terpaksa menghukumnya atau menjadi kewajipan Tuhan untuk menghukumnya. Tuhan memberikan pahala kepada manusia dengan kurniaNya dan menghukum dengan keadilan-Nya.
64. Hendaklah beriktikad bahawa sesiapa yang mati dalam keadaan kafir adalah kekal di dalam neraka berdasarkan kurniaan Allah s.w.t. Adapun orang-orang yang melakukan maksiat keputusannya adalah terserah kepada Allah s.w.t. Jika la hendak mengenakan azabNya akan dilakukan menurut keadilan-Nya dan kurniaanNya. Walaubagaimanapun, akhirnya akan dimasukkan ke dalam Syurga dan keredaan Allah s.w.t.
65. Hendaklah beriktikad bahawa setengah-setengah orang mukmin yang melakukan maksiat akan diazab. Ini berdasarkan penjelasan Al-Quran dan hadits-hadits Rasulullah s.a.w.
66. Allah s.w.t dapat dilihat oleh penduduk Syurga dengan mata kepala bukan dengan mata hati saja tetapi ingatlah jangan ada yang berkeyakinan bahawa Tuhan itu di dalam Syurga. Hanya kita yang melihat yang bertempat dalam Syurga.
67. Pada waktu di dunia tidak ada manusia yang dapat melihat Tuhan kecuali Nabi Muhammad s.a.w. pada malam Mi'raj.
68. Ahlus Sunnah Wal Jamaah meyakini adanya Karamah. Karamah ertiannya pekerjaan yan ganjil-ganjil yang di luar kebiasaan, yang dikerjakan oleh wali-wali Allah, ulama dan orang-orang salih, seumpama kisah makanan yang datang sendiri kepada Maryam dan Ashabul Kahfi yang tidur selama 309 tahun

tanpa rusak daging mereka.

69. Hendaklah beriman wujudnya *Sirat* (titian), di mana ianya merupakan titian yang dijadikan di atas Neraka Jahanam, hanya Allah sahaja yang mengetahui hakikatnya.
70. Hendaklah beriman wujudnya *Lub Mabsuz, Qalam, 'Arasy, Kursi*, di mana kesemuanya ini dijadikan Allah mempunyai hikmah. Bukan bererti Allah berhajat dan memerlukannya.
71. Hendaklah beriman wujudnya *Haud* (kolam) Rasulullah s.a.w. pada hari Kiamat.

72. Hendaklah beriman kepada wujudnya al-Kautsar iaitu sungai yang ada di dalam syurga yang dikurniakan oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w. sebagaimana firmanNya:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ

- "Sesungguhnya kami telah memberikan kepadamu Al-Kautsar." (Al-Kautsar: 1)
73. Hendaklah beriman kepada dua tiupan sangkakala yang akan berlaku. Tiupan pertama akan mematikan siapa sahaja yang ada di langit dan di bumi kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah. Adapun tiupan kedua, ruh-ruh akan kembali kepada jasad masing-masing.

74. Syurga dan Neraka bersama penduduknya akan kekal selama-lamanya, tidak akan habis. Keduanya dikekalkan Tuhan agar yang berbuat dosa merasai selama-lamanya siksa atas perbuatan mereka.

## Fahaman Dalam Persoalan Iman pada Qadha & Qadr

75. Beriman pada Qadha dan Qadar, Takdir Illahi, iaitu sebagai berikut:

- Segala yang terjadi di dunia ini sudah ada Qadha Tuhan, iaitu hukum Tuhan dalam Azal (أزل), bahawa hal itu akan terjadi.

- b. Segala yang terjadi di dunia ini - buruk dan baiknya semuanya dijadikan Tuhan. Pendeknya nasib baik dan nasib buruk semuanya dari Tuhan dan kita ummat manusia hanya menjalani takdir saja.
  - c. Yang ada bagi manusia hanya kasab (كسب), ikhtiar dan usaha. Kita wajib berusaha dan berikhtiar.
  - d. Pahala yang diberikan Tuhan kepada manusia adalah kerana kurniaNya dan hukuman yang diberikan kepada manusia adalah kerana keadilanNya.
76. Bertawakal dan bergantung kepada yang lain daripada Allah s.w.t.

Tawakal itu bukan bermakna meninggalkan kerja dan usaha, kerana bekerja dan berusaha adalah disuruh oleh Allah s.w.t. Allah s.w.t memerintahkan kita supaya berusaha, menyediakan alat peperangan dan mengadakan persediaan. Di samping itu kita diperintah supaya bergantung kepada Allah s.w.t Kita disuruh mengubati penyakit dan beriman bahawa Allah yang menyembuhkan penyakit itu. Kita dimestikan mencari sebab sekaligus dengan bertawakal. Sikap tidak berusaha dan tidak bertawakal kepada Allah s.w.t adalah salah, sebagaimana juga orang yang bertawakal dengan tidak berusaha.

Jelaslah bahawa di sinilah letaknya perbezaan di antara orang-orang yang beriman dengan yang kafir. Kedua-duanya bekerja dan berusaha, tetapi orang-orang yang beriman itu mempunyai sifat tawakal, sementara yang kafir tidak ada tawakalnya. Barangsiapa yang berikhtiar dan berusaha sahaja tetapi lalai daripada tawakal kepada Allah s.w.t adalah berdosa. Dan barangsiapa yang menafikan hubungannya dengan Allah s.w.t dengan mengenepikan ayat-ayat Al-Quran yang mengatakan bahawa segala-galanya berada di bawah Iradah, Ilmu dan Qudrat Allah S.w.t, maka ini bermakna syirik dan batal dua kalimah syahadahnya.

Firman-firman Allah s.w.t

وَمَا رَأَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَنْكَ أَنَّ اللَّهَ رَحِيمٌ

"Dan bukanlah kamu yang melontar tetapi Allah yang melontarnya." (Al-Anfal:17)

وَمَا الْحُصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ

"Dan tidak ada pertolongan melainkan dari sisi Allah." (Al-Anfal:10)

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّاقِدُ وَالْمُقْتَدِيُّ

"Sesungguhnya Allah, ialah pemberi rezeki, yang mempunyai kekuatan yang sangat teguh." (Adz-Dzariyat:58)

وَإِذَا أَمْرَضْتَ فَهُوَ شَفِيرٌ

"Dan apabila aku sakit maka Ia menyembuhkan aku." (Asy-Syu'ara:80)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَا

"Tidakkah kamu melihat bahawa Allah menurunkan air (bujan) dari langit?" (Az-Zumar: 21)

77. Mestilah beriman dengan adanya sebab yang dijadikan oleh Allah S.w.t di dalam alam ini dan mestilah juga beriman bahawa Allah s.w.t itu menjadikan segala-galanya. Firman Allah s.w.t:

اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ

- a. "Allah menjadikan tiap-tiap sesuatu." (Az-Zumar:62)

- b. Maka sesiapa yang mengingkari sebab-sebab dan meniadakannya maka dia kufur dan sesiapa yang menjadikan sebab-sebab itu mendatangkan kesan maka dia syirik.

78. Wasilah yang diperintahkan di dalam Al-Quran ialah apa yang mendekatkan seseorang kepada Allah s.w.t, iaitu berupa amal ketaatan yang disyariatkan. Tawassul pula ialah mendekatkan diri kepada Allah dengan cara-cara tertentu. Adapun Tawassul ada tiga macam:
- Masyru' iaitu tawassul kepada Allah s.w.t dengan Asma' dan SifatNya, dengan amal salih yang dikerjakannya atau melalui doa orang salihin yang masih hidup.
  - Bid'ah iaitu mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dengan cara

- yang tidak disebutkan dalam syariat, seperti tawassul dengan peribadi para nabi dan orang-orang salih, dengan kedudukan mereka, kehormatan mereka dan sebagainya.
- c. Syirik iaitu bila menjadikan orang-orang yang sudah meninggal sebagai perantara dalam beribadah, termasuk berdoa kepada mereka, meminta hajat dan memohon pertolongan daripada mereka.
79. Barakah berasal daripada Allah S.w.t namun Allah mengkhususkan sebahagian berkah-Nya kepada seseorang hamba atau sesuatu makhluk yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itu, seseorang atau sesuatu makhluk tidak boleh dinyatakan mempunyai berkah kecuali berdasarkan dengan dalil.
- Barakah ertinya kebaikan yang banyak atau kebaikan yang tetap dan tidak hilang. Waktu-waktu yang mengandungi keberkatan seperti Lailatul Qadr. Adapun tempat yang ada berkatnya seperti Masjid Al-Haram, An-Nabawi, Al-Aqsa. Benda yang ada berkatnya seperti air Zam-zam. Amal yang ada berkatnya adalah setiap amal salih. Peribadi yang diberkati ialah seperti Nabi Muhammad s.a.w.
80. Tabarruk (meminta berkat) termasuk dalam perkara tauqifiah (perkara yang sudah ditetapkan oleh agama). Oleh sebab itu kita tidak dibolehkan tabarruk kepada sesuatu kecuali pada hal yang telah dinyatakan oleh dalil.
81. Rezeki sekalian manusia sudah ditakdirkan dalam azal, tidak bertambah dan tidak berkurang, tetapi manusia disuruh mencari rezeki, disuruh berusaha, tidak boleh menunggu sahaja.
82. Ajal setiap manusia sudah ada jangkanya oleh Tuhan, tidak terkemudian dan tidak terdahulu walaupun sedetik sekalipun tetapi manusia diperintah oleh Tuhan supaya berobat kalau sakit, tidak boleh menunggu ajal saja.
83. Dosa itu, menurut sahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaah terbagi dua, ada dosa besar dan ada pula dosa kecil. Dosa besar itu

ialah syirik (mempersekuat Tuhan, iaitu dosa yang paling besar), membunuh manusia dengan tidak hak, makan riba, lari dari medan pertempuran perang sabil, menjadi tukang sihir, mendurhakai ibu-bapa, berbuat zina, berbuat liwat, berdusta terhadap nabi dan lain-lain lagi. Kalau dosa besar tidak dikerjakan maka dosa-dosa kecil akan diampuni saja oleh Tuhan. Dosa besar hanya dapat diampuni kalau si pembuatnya bertaubat kepada Tuhan.

## Fahaman Dalam Persoalan Jemaah, Imamah & Dakwah

84. Jemaah dalam masalah ini ialah sahabat Nabi s.a.w dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik dan berpegang teguh dengan jejak mereka sampai Hari Kiamat. Merekalah yang dimaksudkan dengan *Al-Firqah An-Najiyah* (golongan yang selamat).
85. Orang yang senantiasa ber *iltizam* (komited) dengan *manhaj* (method) mereka, maka dia termasuk dalam jemaah, sekalipun melakukan kesalahan dalam sebahagian masalah cabang.
86. Tidak boleh berselisih dalam agama, juga tidak boleh memfitnah sesama kaum muslimin. Segala masalah yang mengandungi perbezaan pendapat di antara umat Islam wajib dikembalikan kepada Kitabullah, sunnah Rasulullah s.a.w dan *ijma'* (kesepakatan) para salaf yang salih.
87. Orang yang keluar daripada jemaah wajib diberi nasihat. Kita wajib menyampaikan dakwah kepadanya. Dia hendaklah diajak berbincang dengan cara yang baik dan menjelaskan hujjah kepadanya. Apabila dia tidak mahu bertaubat maka dia dikenakan hukuman yang layak sesuai dengan ketentuan agama.
88. Kita wajib membawa umat Islam kepada perkara-perkara yang telah *tsabit* (pasti) dari Al-Quran, Sunnah dan *Ijma'*. Kita tidak boleh membawa orang-orang awam daripada kaum muslimin kepada perkara-perkara yang pelik dan pengertian-pengertian



yang agak mendalam.

89. Pada dasarnya seluruh umat Islam mempunyai keyakinan dan tujuan yang baik sehingga tampak sesuatu yang bertentangan dengan hal tersebut. Pada dasarnya ucapan mereka pun mestilah difahami dengan pemahaman yang baik. tetapi jika jelas kedegilan dan tujuan jahatnya maka kita tidak boleh melakukan penafsiran yang dibuat-buat untuk membela dirinya.
90. Solat Jumaat dan berjamaah termasuk syiar Islam yang terpenting dan solat bermakmum kepada seorang muslim yang tidak diketahui hal ehwalnya adalah sah. Sedangkan tidak bermakmum kepadanya dengan dalih tidak mengetahui hal ehwalnya adalah bid'ah.
91. Tidak boleh solat bermakmum dibelakang orang-orang yang nyata membuat bid'ah dan kefasikan, selagi boleh bermakmum kepada yang lain. Akan tetapi jika hal itu terjadi, maka solatnya tetap sah. Berdosa orang yang melakukannya kecuali jika tujuannya adalah untuk menghindarkan *mafsadah* (bahaya) yang lebih besar. Andai kata tidak ada orang lain kecuali dia atau ada yang lebih jahat lagi, maka boleh solat bermakmum kepadanya dan kita tak boleh meninggalkannya. Barangsiapa yang dihukumkan kafir maka tidak sah solat bermakmum kepadanya<sup>10</sup>.
92. *Imamah Kubra* (khalifah) terjadi dan berlaku atas kesepakatan umat atau merupakan bai'at daripada wakil-wakil umat yang disebut *Ahlul Hal Wal 'Aqd*. Barangsiapa memperoleh kemenangan sehingga terjadilah kesepakatan terhadap dirinya, maka dia wajib ditaati dengan baik, wajib dibela dan kita tidak boleh keluar daripada kepimpinannya kecuali jika dia secara terang-terangan menampakkan kekaftiran dan dapat terbukti dari

<sup>10</sup> Dr. Nasir b. Abdul Karim Al-'Aql, *Majmal Usul Abli As-Sunnah Wa Al-Jemaab Fi Al-Aqidah*, Dar Al-Watn Li An-Nasyr, Riyadh, 1991 dan terjemahannya *Pilar-pilar Aqidah Islam Ahlus Sunnah Wal Jemaah*, oleh Drs Ahmad Shafwan, terbitan Yayasan Madani, Padang, 1992, ms 51. Lihat juga tulisan Abdul Rahman Al-Jaziri, *Kitab Al-Fiqh 'Ala Al-Mazabib Al-Arba'ab*, Da'l Al-Kutub Al-Ma'arif, Beirut, 1990, jld 1, ms 388 - 389.



nash yang jelas daripada Allah.

93. *Ablul Hal Wal 'Aqd* adalah dewan yang mewakili kaum muslimin yang berhak mengeluarkan keputusan yang tidak menyimpang daripada Al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w.
94. Solat, haji dan jihad wajib dilakukan bersama imam kaum Muslimin meskipun beliau seorang yang zalim.
95. Tidak boleh berperang dengan sesama Muslim kerana suatu kepentingan dunia dan fanatism jahiliyyah (adat kebiasaan atau pandangan yang bertentangan dengan Islam). Ini adalah dosa yang sangat besar. Orang Islam dibolehkan memerangi ahli bid'ah, para pemberontak dan sejenisnya bila mereka tidak dapat dicegah dengan cara lain yang lebih kecil risikonya. Kadang-kadang hukumnya boleh menjadi wajib sesuai dengan maslahat dan keadaan.
96. *Jihad fi sabillah* (berjuang dijalan Allah) adalah puncak kemegahan dan kejayaan Islam, dan ini tetap berlaku sampai hari kiamat.
97. *Amar ma'ruf* dan *nabi munkar* (menyeru pada kebaikan dan melarang kemungkaran) termasuk syiar Islam yang sangat penting dan merupakan faktor pemelihara keutuhan Islam. Kedua perkara ini wajib dilaksanakan menurut kemampuan tetapi dalam hal ini maslahat pun menjadi bahan pertimbangan.

## Fahaman Mengenai Iman & Kufur

98. Orang Mukmin boleh menjadi riddah (kafir kembali) apabila berlaku hal-hal seperti di bawah ini.

### Dalam i'tiqad:

- a. Syak (ragu) atas adanya Tuhan.
- b. Syak (ragu) kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.
- c. Syak (ragu) bahwa Al-Quran itu Wahyu Tuhan.
- d. Syak (ragu) bahwa akan ada hari Kiamat, Hari Akhirat,

Syurga, Neraka dan lain-lain sebagainya.

- e. Syak (ragu) bahawasanya Nabi Muhammad s.a.w Isra' dari Masjid Makkah ke Masjid Baitul Maqdis dengan ruh dan tubuh.
- f. Mengitikadkan bahwa Tuhan tidak mempunyai sifat, seperti *Ilmu, Hayat, Qidam, Baqa'* dan lain-lain sebagainya.
- g. Mengitikadkan bahwa Tuhan bertubuh serupa manusia.
- h. Menghalalkan pekerjaan yang telah sepakat ulama' Islam mengharamkannya, umpamanya meyakini bahawa zina boleh baginya, berhenti puasa boleh baginya, membunuh orang boleh baginya, dan lain-lain sebagainya.
- i. Mengharamkan pekerjaan yang sudah sepakat ulama'-ulama' Islam membolchkannya, umpamanya kawin haram baginya, jual beli haram baginya, makan minum haram baginya, dan lain-lain sebagainya.
- j. Meniadakan suatu amalan ibadat yang telah sepakat ulama' Islam mewajibkannya, seumpamanya sembahyang, puasa, zakat, dan lain-lain sebagainya.
- k. Mengingkari kesabahan sahabat-sahabat Nabi yang utama, seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar dan lain-lain sebagainya.
- l. Menginkari sepotong atau seluruhnya ayat Al-Quran atau menambah sepotong atau seluruhnya ayat Al-Quran, dengan tujuan menjadikan ia menjadi Al-Quran.
- m. Mengingkari salah seorang dari rasul yang telah sepakat ulama'-ulama' Islam mengatakannya rasul.
- n. Mendustakan rasul-rasul Tuhan.
- o. Mengitikadkan ada nabi sesudah Nabi Muhammad s.a.w.
- p. Mendakwa menjadi nabi atau jadi rasul sesudah Nabi Muhammad s.a.w.

### **Dalam amalan:**

- a. Sujud kepada berhala, pada matahari, pada bulan dan lain-lain.
- b. Sujud kepada manusia dengan sukarela.
- c. Menghina nabi-nabi atau rasul-rasul dengan lisan atau perbuatan.
- d. Menghina kitab-kitab suci dengan lisan atau perbuatan.
- e. Mengejek-ejek agama atau Tuhan dengan lisan atau tulisan.
- f. Dan lain-lain.



## Dalam perkataan:

- a. Mengucapkan "Hai Kafir" kepada orang Islam.
  - b. Mengejek-ejek atau menghina-hina nama Tuhan.
  - c. Mengejek-ejek Hari Akhirat, Syurga dan Neraka.
  - d. Mengejek-ejek salah satu syariat, umpamanya sembahyang, puasa, zakat, haji, tawaf keliling Ka'abah, wuquf di Arafah dan lain-lain sebagainya.
  - e. Mengejek-ejek malaikat-malaikat.
  - f. Mengejek-ejek nabi-nabi dan rasul-rasul.
  - g. Mengejek-ejek keluarga nabi.
  - h. Mengejek-ejek Nabi Muhammad s.a.w.
  - i. Dan lain-lain perkara seumpama di atas.
99. Tidak boleh menyatakan dengan pasti bahawa si polan termasuk ahli Syurga atau Neraka, kecuali terhadap seseorang yang telah dinyatakan oleh nash.
100. *Takfir* (mengkafirkan seseorang) adalah termasuk sebahagian daripada hukum agama yang ukurannya mestilah dikembalikan kepada Al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w. Kerana itu kita tidak boleh mengkafirkan seseorang Muslim kerana suatu ucapan atau perbuatan bila tidak ada dalil syar'i yang menyatakan demikian. Suatu ucapan atau perbuatan yang dinyatakan sebagai kafir tidak mesti pelakunya pun menjadi kafir, kecuali bila syarat-syaratnya dipenuhi dan tidak ada hal-hal yang menghalanginya. *Takfir* termasuk hukum yang paling berbahaya kerana itu kita mestilah berhati-hati dan waspada dalam mentakfirkan seorang Muslim.
101. Anak-anak orang kafir, kalau mati ketika masih kecil masuk syurga.

## Lain-lain Fahaman Ahlus Sunnah Wal Jemaah

102. Pahala sedekah, wakaf dan pahala bacaan boleh dihadiahkan kepada orang yang telah mati dan sampai kepada mereka kalau dimintakan kepada Allah untuk menyampaikannya. Allah s.w.t berfirman

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَغْفِرْنَاكَ وَلَا تُغْنِنَا  
الَّذِينَ سَبَقُوكُمْ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ أَمْتُوا رَبَّنَا إِنَّكَ  
**رَبُّ الْحَمْدِ**

"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Mubajirin dan Ansar), mereka berkata 'Ya Tuhan kami, beri ampunlah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami, Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang.'" (Al-Hasyr : 10)

Di dalam ayat ini Allah s.w.t memuji dan menganjurkan umat Islam beristighfar untuk saudaranya yang telah mati. Sekiranya amalan ini tidak bermanfaat kepada si mati, maka pasti Allah s.w.t tidak akan menganjurkannya.

Di dalam sebuah hadits diriwayatkan dari Ibn Abbas, beliau berkata

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ تُؤْفَىْتُ أُمُّ سَعْدٍ بْنِ عَبَادَةَ وَهُوَ غَائِبٌ  
عَنْهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمِّي تُؤْفَىْتُ وَكَانَ غَائِبٌ عَنْهَا أَيْنَفَعُهَا شَيْءٌ إِنْ  
تَصَدَّقَتْ بِهِ عَنْهَا قَالَ: نَعَمْ قَالَ فَإِنِّي أُشَهِّدُكَ أَنَّ حَائِطَيِ الْمِحْرَافِ صَدَقَةٌ  
عَنْهَا (رواه البخاري والترمذى والنمسائى)

"Ibu Sa`ad bin Ubadah ketika mati, Sa`ad tidak ada. lalu Sa`ad berkata 'Ya Rasulullah s.a.w ibuku telah meninggal di waktu saya tidak ada di rumah, apakah akan bermanfaat baginya bila saya bersedekah. Jawab Nabi 'Ya' Berkata Sa`ad 'Saya persaksikan kepadamu bahwa kebun kurma yang berbuah itu sebagai sedekah untuknya.' (Riwayat Al-Bukhari, At-Tirmizi dan An-Nasa'i)

103. Ziarah kubur, khususnya kubur ibu bapa, ulama', wali-wali dan orang-orang mati syahid, apalagi kubur Nabi Muhammad s.a.w dan sahabat-sahabat beliau adalah sunnat hukumnya, diberi pahala kalau dikerjakan. Berjalan pergi ziarah kubur, termasuk mengerjakan ibadat.
104. Berdoa kepada Tuhan secara langsung, atau berdoa kepada

104. Berdoa kepada Tuhan secara langsung, atau berdoa kepada Tuhan dengan *wasilah* (bertawasul) adalah sunnat hukumnya, diberi pahala kalau dikerjakan.
105. Masjid di seluruh dunia sama darjatnya, kecuali tiga buah masjid, lebih tinggi darjatnya dari yang lain, iaitu Masjid-masjid Makkah (Ka'abah), Madinah dan Baitul Maqdis. Berjalan untuk sembahyang ke masjid yang tiga itu adalah ibadat, diberi pahala kalau dikerjakan.
106. Seluruh manusia adalah anak cucu dari Nabi Adam. Adam berasal dari tanah, Iblis dan jin dijadikan Tuhan dari api tetapi malaikat-malaikat dijadikan dari cahaya.
107. Bumi dan langit ada. Siapa yang mengatakan langit tidak ada, ia keluar dari lingkungan kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah.
108. Para sahabat yang mulia semuanya boleh dipercayai. Mereka adalah generasi yang terbaik dari umat ini. Mempersaksikan keimanan dan keutamaan mereka adalah prinsip asasi yang tidak dapat ditawar lagi dalam agama. Mencintai mereka adalah agama dan keimanan, sedangkan membenci mereka adalah kekafiran dan kemunafikan. Hendaklah kita menahan diri dari membicarakan pertentangan yang pernah terjadi diantara mereka. Jangan memberdebatkannya sehingga boleh mengurangi dan memburuk-burukkan kehormatan mereka.
109. Yang paling mulia diantara mereka adalah Abu Bakar, kemudian Umar, Utsman dan Ali. Mereka adalah *Al-Khulafa' Ar-Rasyidin* (para pemimpin yang berjalan di atas kebenaran). *Khilafah* (kepimpinan) mereka terjadi berdasarkan urutan (tingkat kemuliaan) mereka<sup>11</sup>.
110. Adalah termasuk urusan agama mencintai *Ablul Bait* Rasulullah s.a.w serta menghargai kehormatan isteri-isteri baginda sebagai

<sup>11</sup> At-Tahawi, *Syarh Al-Aqidah At-Tabawiyah*, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, 1984, ms 485. Lihat juga Sa'id Hawwa, *Al-Asas Fi As-Sunnah Wa Fi qibha (As-Sirah An-Nabawiyah)*, Dar As-Salam, Mesir, 1989, jld 3, ms 1546 - 1547.

ibu-ibu orang-orang yang beriman. Juga termasuk agama mengetahui keutamaan mereka; begitu pula dengan mencintai para imam salaf, ulama sunnah dan orang-orang yang mengikuti jejak mereka dengan baik serta menjauhi ahli bid'ah dan orang-orang yang menuruti hawa nafsu.

111. Ahlul Bait ertiinya keluarga. Ahlul Bait Rasulullah ialah mereka yang diharamkan menerima sadaqah. Mereka itu sebagaimana disebutkan dalam salah satu hadis riwayat Muslim, yakni keturunan Ali, Aqil, Ja'far dan Abbas.
112. Wajib diyakini bahwa sahabat Nabi yang paling mulia adalah Saidina Abu Bakar, sesudah itu Saidina Umar bin Khathab, sesudah itu Saidina Utsman bin Affan, sesudah itu Saidina Ali bin Abi Talib, sesudah itu sahabat-sahabat yang sepuluh yang telah dikhabarkan oleh Nabi akan masuk syurga, yaitu 4 orang Khalifah ditambah dengan Talhah bin 'Ubaidillah, Zubair bin 'Awam, Abdurrahman bin 'Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas, Sa'id bin Zaid, Abu Ubaidah 'Amir bin Al-Jarrah, sesudah itu sahabat-sahabat yang ikut Perang Badr, sesudah itu sahabat-sahabat yang mengikut perang Uhud, sesudah itu sahabat-sahabat yang ikut Bai'atur Ridwan, sesudah itu sekalian sahabat Nabi r.a.
113. Dalam soal pertikaian dan peperangan yang terjadi antara para sahabat Nabi, seumpama Perang Jamal antara Aisyah dan Saidina Ali, Perang Siffin antara Saidina Ali dan Mu'awiyah, kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah menanggapi secara positif, tidak banyak dibicara, tetapi dianggap bahwa mereka berperang menurut ijtihad masing-masing. Yang benar akan diberi dua pahala dan yang salah akan diberi satu pahala.
114. Kaum Ahlus Sunnah Wal Jamaah yakin, bahwa sekalian keluarga Nabi Muhammad s.a.w khususnya Aisyah Ummul Mu'minin yang tertuduh membuat kesalahan, adalah bersih dari noda. Fitnah yang dilancarkan kepada keluarga Nabi adalah fitnah yang dibuat-buat (lihat Al-Quran, Surah An-Nur ayat 11).
115. Sesudah Nabi Muhammad s.a.w meninggal dunia maka pengganti beliau yang sah adalah Saidina Abu Bakar r.a. Sebagai

Khalifah yang pertama, Saidina Umar bin Khathab sebagai Khalifah yang kedua, Saidina Utsma'n bin Affan sebagai Khalifah yang ketiga dan Saidina Ali bin Abi Talib sebagai Khalifah yang keempat, r.a. Mereka yang berempat ini di namai Al-Khulafa Ar-Rasyidin<sup>12</sup>.

116. Pembahagian agama kepada Hakikat yang dikhurusukan kepada orang-orang tertentu dan Syari'at yang hanya wajib diikuti oleh orang-orang awam sahaja, serta melakukan pemisahan antara urusan politik atau urusan lainnya daripada agama adalah tindakan yang batil (tidak benar). Adapun yang bertentangan dengan syariat, samada hakikat ataupun politik ataupun perkara-perkara lain, maka hukumnya adalah boleh membawa kepada kufur dan boleh pula membawa kepada kesesatan, sesuai dengan tingkatannya.

Ahlus Sunnah Wal Jamaah juga meyakini akan perkara-perkara yang boleh merosakkan dua kalimah syahadah. Di bawah ini dinyatakan juga perkara-perkara yang boleh merosakkan dua kalimah syahadah seorang Islam yang sekaligus boleh mengeluarkannya dari agama Islam:

1. Tidak mengakui nikmat zahir dan batin dan sebagai kurniaan Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t:

**وَإِنْ تَعْدُوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تُخْصُوهَا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ**

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, tidaklah dapat kamu mengiranya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat ingkar."(Ibrabim:34)

Firman Allah s.w.t lagi

**إِنَّ قَرْبَوْنَ كَاتِكَ مِنْ قَوْمٍ مُؤْسَى فَبَغَى عَلَيْهِمْ وَأَيْنَتَهُ مِنَ الْكُوْزِ مَا إِنَّ مَفَاعِيهِ لَتَنْهُوا بِالْعُصْبَةِ أُولَئِكُو هُوَ إِذْ قَالَ اللَّهُ قَوْمُهُ لَا نَقْرَبُ إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْعَلُ**  
**الْفَرِحِينَ وَابْتَغَ فِيمَا آتَيْنَاكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ**

<sup>12</sup> Ibid.

مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكُوكَ لَا تَتَّبِعُ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ  
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ قَالَ إِنَّمَا أُوْتِيَتُهُ عَلَى عِلْمٍ عِنْدِيٌّ أَوْ لَمْ يَعْلَمْ أَنَّ  
اللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِنْ قَبْلِهِ مِنَ الْقَرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ فُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمِيعًا  
وَلَا يُسْتَعْلَمُ عَنْ ذُنُوبِهِمُ الْمُجْرُمُونَ

"Sesunggubnya Qarun itu termasuk di kalangan kaum Musa tetapi dia berlaku aniyaya terhadap mereka, dan Kami telah menganugerahkan kepadanya perbandaraan barta yang kuncinya sungguh bebat dipikul oleh sejumlah orang yang kuat-kuat. Ingatlah ketika kaumnya berkata kepadanya. "Janganlab kamu terlalu bangga, sesunggubnya Allah tidak menyukai orang-orang yang terlalu membanggakan diri," Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat dan janganlab kamu melupakan babagianmu dari (kenikamatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang-orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlab kamu membuat kerosakan di muka bumi kerana sesunggubnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan. Qarun berkata: "Sesunggubnya aku hanya diberi harta itu, kerana ilmu yang ada padaku. "Dan apakah ia tidak mengetahui bahwasanya Allah telah membinasakan umat-umat sebelumnya yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan barta dan tidaklah perlu ditanya kepada orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(Al-Qasas: 76-78)

Firman Allah s.w.t lagi

أَذْرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً  
ظَاهِرَةً وَبِاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَاهِدُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدُّى  
وَلَا كِتَابٌ مُّنِيرٌ

"Tidakkah kamu perhatikan sesunggubnya Allah telah menundukkan untuk kepentingan kamu apa yang dilangit dan apa yang dibumi dan menyempurnakan untuk kamu nikmat-Nya zahir dan batin. Dan di antara manusia masih ada yang membantah tentang keesaan Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa Kitab yang memberi penerangan." (Luqman:20)

## Firman Allah s.w.t lagi

فَإِذَا رَكُوبًا فِي الْفُلُكِ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ قَلَمَّا بَخْسَهُمْ إِلَى الْبَرِّ إِذَا  
هُمْ يَشْرِكُونَ لِيَكْفُرُوا بِمَا أَيْتَنَاهُمْ وَلِيَسْتَعْوِدُوْفَ يَعْلَمُونَ

"Maka apabila mereka menaiki kapal, mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya. Maka tatkala Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat, tiba-tiba mereka kembali syirik. Sesungguhnya mereka mengingkari akan nikmat yang telah Kami berikan kepada mereka dan sebingga hidup bersenang-lenang dalam kekafiran. Kelak mereka akan mengetahui akibat perbuatan mereka." (Al-Ankabut: 65-66)

## Firman Allah s.w.t lagi

وَنَادَى فِرْعَوْنٌ فِي قَوْمِهِ قَالَ يَنْقُومُ الَّذِينَ لِي مُلْكُ مِصْرَ وَهَذِهِ  
الْأَنْهَرُ بَحْرٌ مِنْ تَحْتِي أَفَلَا يَتَبَصَّرُونَ أَمْ أَنْهِيَّنِ "مِنْ هَذَا الَّذِي هُوَ  
مَهِينٌ" وَلَا يَكُادُ يُبَيِّنُ فَلَوْلَا أَلْقَى عَلَيْهِ أَسْوَرَةً مِنْ ذَهَبٍ أَوْ جَاءَهُ  
مَعَهُ الْمَلَائِكَةُ مُقْتَرِنِينَ فَأَسْتَحْقَقَ قَوْمَهُ فَأَطَاعُوهُ  
إِنَّهُمْ كَانُوا فَوْمًا فَسِيقِينَ

"Dan Fir'aun berseru kepada kaumnya seraya berkata "Hai kaumku, bukankah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan sungai-sungai ini mengalir di bawahku, maka apakah kamu tidak melihat? Bukankah aku lebih baik dari orang yang bina ini dan yang hampir tidak dapat menjelaskan perkataannya. Mengapakah tidak dipakaikan kepadanya gelang-gelang dari emas atau Malaikat datang bersama-sama dia untuk mengiringinya." Maka Firaun mempengaruhi kaumnya lalu mereka patuh kepadanya sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasik." (Az-Zukhruf: 51-54)

2. Beramal kerana yang lain daripada Allah s.w.t dan tidak dengan izinNya. Tidakkah kita berikrar mengikut firman Allah s.w.t

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَسُكُونِي وَمَعْبُوتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

"Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah kerana Allah, Tuhan Semesta Alam, tiada sekutu bagi-Nya." (Al-An'am: 162)

Bahawasanya, yang dikatakan ibadat itu tidaklah khusus kepada sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja bahkan semua amal salih yang diqasadkan kerana Allah s.w.t adalah juga dikira ibadat. Amal-amal yang seperti itu kalau diqasadkan kerana yang lain tanpa izinNya maka dianggap syirik. Sesungguhnya amalan yang telah menjadikan seseorang itu syirik adalah terlalu banyak, di antaranya ialah beramal di atas dasar kebangsaan (Nasionalisme) atau perkauman.

Apabila seorang itu menjadikan nasionalisme atau perkauman tujuannya, berjuang kerananya, berucap kerananya dan menyeru ke arahnya dengan semangat asabiyyah, maka pegangan dan amalan itu boleh membawa kepada syirik dan membatalkan dua kalimah syahadah. Ini adalah kerana Allah s.w.t memerintahkan supaya kita beramal kerana-Nya, berjihad keranaNya dan berjuang kerana-Nya. Apabila kita melakukan itu semua kerana bangsa kita semata-mata, ia adalah *batil* (tidak benar). Berkemungkinan kita menentang mereka, kalau mereka kafir. Seseorang Muslim itu tidak harus menilai sesuatu tindakan menurut kepentingan kaumnya sahaja tetapi mestilah menurut apa yang diperintah oleh Allah s.w.t.

Sabda Rasulullah s.a.w.

لَيْسَ مِنَّا مَنْ دَعَا إِلَى عَصَبَيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ قَاتَلَ عَلَى عَصَبَيَّةٍ  
وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ مَاتَ عَلَى عَصَبَيَّةٍ (ابو دواد)

"Bukan dari kalangan kita orang yang menyeru ke arah asabiyyah, bukan dari kalangan kita orang yang berperang di atas dasar asabiyyah dan bukan dari kalangan kita orang yang mati di atas dasar asabiyyah."

*Hadits ini Dha'if tetapi diperkuatkan oleh hadits riwayat Muslim*

Zalim menurut Islam ialah sesuatu yang lain daripada hukum Allah s.w.t atau menyalahgunakan hukum Allah s.w.t. Adapun perasaan kasih kepada bangsa dan kaum di atas jalan yang sebenar yang diizinkan oleh Allah s.w.t, tidaklah dinamakan asabiyyah.

Begitulah juga halnya beramal kerana negara atau tanahair atau

kenegerian boleh dianggap syirik, jika sekiranya semua itu menjadi matlamat amal. Seseorang muslim itu berhubung dengan tanahairnya semata-mata menurut makna penyerahan diri kepada Allah s.w.t. Dia beramal untuk kepentingan tanahair dan penduduknya kerana Allahs.w.t.

Adapun jika negara atau tanahair menjadi qiblat dan tidak lagi kerana Allah s.w.t, maka itulah amalan yang dianggap syirik dan Allah mencela kaum yang bergantung dengan tanahairnya semata-mata, sebagaimana firman-Nya :

وَلَوْ أَنَا كَبَّلْتُ أَعْيُّهُمْ أَنْ أَفْتَلُوا أَنفُسَكُمْ أَوْ أَخْرُجُوهُمْ مِنْ دِيرَكُمْ مَا  
فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ قَعْدُوا مَا يُؤْتُونَ بِهِ لَكَانَ حَسَدًا لَهُمْ  
وَأَشَدَّ تَنْيَيَا

"Dan jika kami wajibkan atas mereka, "Bunublab diri-dirimu atau keluarlab dari kampung-kampung kamu"; nescaya mereka tidak melakukannya, kecuali sedikit di kalangan mereka. Pada hal jika mereka kerjakan apa yang dinasibatkan, nescaya terlebih baik bagi mereka dan lebih tetap." (An-Nisa : 66)

- Memberi hak secara mutlak kepada yang lain daripada Allah s.w.t dari segi mengadakan hukum syara'.

Sesungguhnya perkara-perkara yang berkaitan dengan suruhan, larangan, halal dan haram telah pun sedia ada nash-nash yang terang di dalam Al-Quran, As-Sunnah dan ijma', mewajibkan kita percaya dan berpandukan kepada hukum-hukum dan undang-undang Allah s.w.t dan juga membatalkan segala yang lain.

Di antara hujah-hujahnya ialah Allah s.w.t mewajibkan kita mengikut Syari'at Islam dan melarang kita mengikut yang lain daripada Syari'at Allah, sama ada dari segi prinsip umum ataupun roh perundangan Islam.

Firman Allah s.w.t

أَفَحُكْمُ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنْ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقَنُونَ

"Apakah mereka mahu bukuman jahiliyyah? Pada hal siapakah yang bukumannya lebih baik daripada Allah bagi orang-orang yang yakin." (Al-Maidah:50)

Firman Allah s.w.t lagi

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَنْسِيْعَ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

"Kemudian Kami jadikan di atas syari'at peraturan tentang urusan itu (agama), maka ikutilah syari'at itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui." (Al-Jatsiyah:18)

Allah s.w.t tidak mengharuskan kepada orang Mukmin redha kepada yang lain daripada hukum-Nya atau berhakimkan kepada yang lain daripada apa yang diwahyukan oleh Allah dan memerintah supaya mengkufuri hukum yang lain. Sesungguhnya menganggap kerelaan kepada yang lain daripada hukumNya adalah sesat dan adalah menurut jejak langkah syaitan.

Firman Allah s.w.t

أَتَمْ تَرَى إِلَى الَّذِينَ يَرْعَمُونَ أَنَّهُمْ أَمْنَوْا بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَكَّمُوا إِلَى الظَّلَفُوتِ وَقَدْ أَمْرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضْلِلَهُمْ حَتَّى لَا يَعْلَمُوا

"Tidakkah kamu memerhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadamu dan apa yang diturunkan sebelummu. Mereka hendak berhakimkan kepada tagbut, padahal mereka diperintah supaya mengingkari tagbut dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka dengan penyesatan yang sejauh-jauhnya." (An-Nisa': 60)

4. Di antara perkara yang membatalkan Syahadah itu ialah taat kepada yang lain daripada Allah s.w.t, kecuali kepada sesiapa yang diperintahkanNya supaya taat kepadanya seperti Rasulullah s.a.w., pemerintah, ibu bapa dan sebagainya. Maka tidak harus bagi seorang Muslim itu taat kepada yang lain daripada Allah s.w.t tanpa izinNya:

## Firman Allah s.w.t

**الَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ**

"Dan janganlah kamu mentaati perintah orang-orang yang melampaui batas, yang membuat kerosakan di muka bumi ini dan tidak mengadakan pembaikan." (Asy-Syu'ara:151 - 152)

## Firman Allah s.w.t lagi

**وَإِنْ تُطِعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضْلُوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا أَلَظَنَ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَنْ يَضْلِلُ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ**

"Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanya banyalah mengikuti persangkaan belaka dan mereka tidak lain hanya berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang orang yang tersesat daripada jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat petunjuk." (Al-An'am: 116 - 117)

5. Termasuk di dalam perkara yang membatalkan Syahadah juga ialah perasaan benci kepada Islam atau ajarannya sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya.

## Firman Allah s.w.t

**وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَنَفَسَاهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَلَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَرِهُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأَخْبَطَ أَعْمَلَهُمْ**

"Dan orang-orang yang kafir maka kecelakaanlah bagi mereka dan Allah menyesatkan amal mereka. Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka benci kepada apa yang diturunkan Allah (Al-Quran) lalu Allah menghapuskan amalan mereka." (Muhammad: 8 - 9)

Termasuk di dalam makna 'kebencian' itu ialah tidak menyetujui hukum-hukum-Nya sama ada yang berhubung dengan ibadat, muamalat, ekonomi, politik, pelajaran, pendidikan dan sebagainya. Ini termasuk juga benci kepada apa yang

terkandung di dalam Al-Quran walau satu ayat sahaja, atau satu hadits Nabi sahaja, sama ada sabda Rasulullah s.a.w. melalui amalan dan pengakuannya.

Juga termasuk di dalam makna 'kebencian' itu ialah mempersenda-sendakan Allah s.w.t dan rasul-Nya seperti menganggap bahawa hukum hudud yang ada di dalam Al-Quran itu sudah lapuk, zalim, tidak sesuai dan sebagainya, mempersenda-sendakan ulama' yang salih, pendakwah-pendakwah dan juga orang-orang yang berjihad untuk menegakkan Kalimah Allah S.w.t.

Firman Allah s.w.t

وَمِنْهُمُ الَّذِينَ يُؤْذِنُونَ النَّبِيَّ وَيَقُولُونَ هُوَ أَدْنٌ قُلْ أَذْنُ خَيْرٍ لَكُمْ  
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُ بِالْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةً لِلَّذِينَ آمَنُوا مِنْهُمْ وَالَّذِينَ يُؤْذِنُونَ  
رَسُولُ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

"Dengan mereka (orang munafiq) ada orang-orang yang menyakiti Nabi dan mengatakan babawa "Nabi mempercayai semua apa yang didengarnya." Katakanlab, "la mempercayai semua yang baik bagi kamu, ia beriman kepada Allah, mempercayai orang-orang Mukmin dan menjadi rahmat bagi orang-orang yang begitu, bagi mereka azab yang pedib." (At-Taubah:61)

Firman Allah s.w.t lagi

يَخْدِرُ الْمُتَفَقُونَ كَأَنْ تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ لِتُبَثِّمُهُمْ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ  
قُلْ أَسْتَهِنُ بِإِنَّ اللَّهَ مُخْرِجٌ مَا أَخْدَرَ وَكَوْنَ سَائِلَهُمْ  
لَيَقُولُونَ إِنَّمَا كُنَّا نَحْوُنَا وَلَنُلْعِبَ قُلْ أَبِاللَّهِ وَأَبِيَّنِهِ وَرَسُولِهِ  
كُنُّمُسْتَهِنُونَ كَلَّا تَعْلَمُونَ فَكَذَّبُوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ يَقْعُدُ  
عَنْ طَائِفَةٍ مِنْكُمْ تُعَذَّبَ طَائِفَةٌ يَا أَيُّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ

"Orang-orang munafiq itu takut kalau diturunkan terhadap mereka satu surat yang menerangkan apa yang tersembunyi di dalam hati mereka. Katakanlah kepada mereka, "teruskan ejekanmu terhadap Allah dan Rasul-Nya," sesungguhnya Allah akan melabirkán apa yang kamu takuti itu. Dan jika kamu tanyakan kepada mereka (tentang apa yang mereka lakukan itu), tentu mereka akan menjawab, "Sesungguhnya kami bersenda gurau dan bermain-main sahaja." Katakanlah, "Apakah dengan Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya kamu berolok-olok?" Tidak usah kamu minta maaf kerana kamu kafir sesudah beriman. Jika Kami memaafkan segolongan daripada kamu (kerana bertaubat) maka kami akan mengazab golongan yang lain disebabkan mereka adalah orang-orang yang berdosa." (At-Taubah: 64-66)

6. Tidak mau berhukum dengan hukum Allah atau tidak meyakini kebenaran dan keadilan hukum Allah s.w.t atau keberatan untuk melaksanakannya.

Firman Allah s.w.t

**وَمَن لَّمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكُفَّارُونَ**

"Barangsiaapa yang tidak memutuskan menurut apa yang Allah telah turunkan, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir." (Al-Maidah : 44)

Firman Allah s.w.t lagi

**فَلَا وَرِبَّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ لَا يَحْدُوْفَافِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مَّا قَضَيْتَ وَإِنْ سَلَّمُوا أَسْلِيمًا**

"Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman binggalah mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisikan kemudian mereka tidak merasa sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan dan mereka menerima sepenuhnya." (An-Nisa' : 65)

7. Menghalalkan yang haram dan mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah adalah juga membantalkan syahadah kerana memindah dan menyanggah hukum Allah. Oleh kerana itu maka Allah memberi amaran melalui firman-Nya:

وَلَا نَقُولُ لِمَا تَصِفُ الْسِنَّةُ كُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلْلٌ وَهَذَا حَرَامٌ  
لِتَفَرَّوْا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْرَوْنَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ

"Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebutkan oleh lidabmu secara dusta. "Ini halal dan ini haram," untuk mengada-ngadakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tidaklah mencapai kemenangan." (An-Nabl: 116)

Oleh itu janganlah terlalu gopoh dalam menyatakan hukum sehingga menghalalkan apa yang diharamkan dan sebaliknya, kecuali setelah ternyata hukum Allah s.w.t dan rasulNya dengan sejelas-jelasnya. Di antara sifat ulama Salaf, di mana dalam perkara-perkara yang tidak ada nash yang terang, mereka hanya berkata, "Ini saya tidak suka atau tidak setuju atau benci." Mereka tidak terus mengatakan halal dan haram dalam perkara-perkara yang samar-samar, apa lagi kalau kita diperingkat yang jahil.

8. Tidak beriman dengan nash-nash Al-Quran dan Sunnah adalah juga membatalkan ikrar dua kalimah syahadah. Firman Allah s.w.t

أَفَتُؤْمِنُونَ بِيَعْصِيِنَ الْكَتَبِ وَتَكْفُرُونَ بِيَعْصِيِنَ فَمَا جَاءَ مَنْ يَعْمَلُ  
ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خَرَّى فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَمَةِ يُرَدُّونَ إِلَى  
أَشَدِ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَنِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

"Apakah kamu beriman dengan sebahagian Kitab (Taurat begitu juga Al-Quran) dan kamu kufur dengan sebahagian yang lain? Maka tidak ada balasan bagi mereka yang melakukan demikian itu daripada kamu melainkan kerugian hidup di dunia. Dan di akhirat nanti dikembalikan kepada seksa yang pedib. Dan Allah tidak lengah daripada apa yang kamu kerjakan." (Al-Baqarah: 85)

Sabda Rasulullah s.a.w.

ثَرَكْتُ فِينِكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضْلِلُوا مَا تَمَسَّكُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ

## وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ (رَوَاهُ مَالِكٌ)

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya; Kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w." (Riwayat Imam Malik)

9. Di antara perkara yang membatalkan syahadah itu ialah mempercayai wala' (kepimpinan) orang kafir dan munafiq.

### Firman Allah s.w.t

يَكْتُبُ اللَّهُ أَنَّمَا لَا تَنْهَاكُ عَنِ الْمُحْسِنِينَ هُنَّا وَلَعِبَانِ الظَّالِمِينَ أُولُوا الْكِتَابَ  
مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارُ أُولَئِكَمْ وَأَنَّقُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil jadi pemimpin kamu orang-orang yang menjadikan agama kamu ejekan dan mainan di kalangan orang-orang yang telah diberi Kitab sebelum kamu dan orang-orang kafir. Dan bertawakkallab kepada Allah jika kamu benar-benar orang-orang yang beriman." (Al-Maidah: 57)

### Firman Allah s.w.t lagi

بَشِّرِ الْمُنْفِقِينَ بِأَنَّهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا أَلَّذِينَ يَنْجِذِدُونَ الْكُفَّارِ إِنَّ أَوْلَيَاءَ  
مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ أَيْنَمَّا يَنْتَغِيُونَ عِنْدَهُمُ الْعِزَّةُ إِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا

"Beritabulab kepada orang-orang munafiq itu bahawa mereka akan mendapat seksa yang pedih, iaitu orang-orang yang mengambil orang-orang kafir menjadi teman penolong dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Apakah mereka mencari kemuliaan di sisi orang-orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kemuliaan itu kepunyaaan Allah." (An-Nisa': 138-139)

### Firman Allah s.w.t lagi

لَا يَتَخَذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكُفَّارِ إِنَّمَا مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ  
فَلَيَسْ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَكُونُوا مِنْهُمْ تُفْسَدُهُ وَيُحَذَّرُكُمْ  
اللَّهُ تَعَالَى مَنْسُدٌ وَإِلَى اللَّهِ الْمَعْبُودُ

"Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (pemimpin, pelindung, penolong, teman akrab) dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Barangsiapa yang berbuat demikian nescaya lepaslah ia dari Allah, kecuali kerana Taqiyah (belah memelibara diri) dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (seksa-Nya) dan hanya kepada Allah tempat kembali." (Ali-Imran: 28)

Jelaslah bahawa ayat-ayat tersebut di atas tidak membenarkan orang-orang yang beriman meredai kepimpinan orang-orang kafir. Walaupun dibenarkan di masa takut apabila orang-orang kafir menguasai negeri Islam, tetapi kebenaran hanya pada lahirnya sahaja. Sesungguhnya terbatallah syahadah seseorang itu kalau sekira hatinya redha walaupun dalam keadaan takut. Menurut riwayat Ibn Abas r.a. bahawa "taqiyah" itu hanya pada lahirnya sahaja tetapi hati tidak redha.

Walau bagaimana pun, Islam juga mengajar umat Islam yang minoriti agar berlaku baik terhadap masyarakat bukan Islam yang tidak melakukan kezaliman ke atas mereka dan melindungi mereka. Firman Allah s.w.t

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَا هُوَ جُوْكُمْ مَنْ دَرَّكُمْ أَنْ تَرْوَهُ وَقُنْصِطُوا إِلَيْهِمْ  
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قُتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ  
مَّنْ دَرَّكُمْ وَظَاهِرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوْلُوْهُمْ وَمَنْ يَتُوْلُهُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

"Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Al-Mumtahanah, : 8-9)

Rasulullah s.a.w sendiri pernah menyuruh umat Islam berhijrah ke Habsyah untuk berlindung di bawah pemerintahan seorang raja yang beragama Kristian. Rasulullah s.a.w tidak pernah

menyalahkan umat Islam di sana kerana tidak mengamalkan Islam sepenuhnya di sebabkan keadaan mereka sebagai minoriti yang berlindung di negara bukan Islam.

Allah s.w.t juga menyuruh umat Islam agar tidak memperlaku orang bukan Islam secara tidak adil kerana kekufuran mereka.

Allah s.w.t berfirman

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا فَوَّمِينَ لِلَّهِ شَهِدَاهُ بِالْقَسْطِ وَلَا يَجِرُ  
مَنَّكُمْ شَهَادَةُ قَوْمٍ عَلَى الَّا تَعْدِلُو أَعْدُلُو أَعْدُلُو أَعْدُلُو أَعْدُلُو  
وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

"Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih hampir pada takwa. Dan bertakwalah pada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Al-Maidah : 8)

- Membatalkan syahadah juga apabila melakukan ibadat atau upacara ibadat yang lain daripada Islam dan adalah tidak layak bagi seseorang Islam itu melakukannya, yang tidak boleh ditakwil melainkan kufur dan syirik. Contoh-contoh yang lain ialah seperti ruku' dan sujud kepada yang lain daripada Allah ataupun melakukan pemujaan dan penyembahan secara kafir.

Firman Allah s.w.t

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَهُنَّكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَّا قَرَبَ اللَّهُ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَإِنَّا أَوَّلُ الْمُسَلِّمِينَ

- "Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku banyaklah untuk Allah, Tuhan semesta alam, tiada sekutu bagi-Nya dan demikian itulah yang diperintah kepadaku dan aku adalah orang yang pertama menyerah diri (kepada Allah)." (Al-An'am: 162-163)

- Membatalkan dua kalimah syahadah juga apabila mengkafirkan orang-orang Islam atau tidak mengkafirkan orang-orang kafir.

Menurut kaedah yang disimpulkan daripada nash Al-Quran dan hadits Nabi s.a.w.

"Sesiapa yang mengkafirkan orang yang beriman maka sesungguhnya dia menjadi kafir, sesiapa yang tidak mengkafirkan orang yang kafir, dia menjadi kafir dan sesiapa yang ragu tentang kekafiran orang yang kafir, ia menjadi kafir."

12. Mengamalkan sihir, diantaranya ilmu guna-guna iaitu mengubah kecintaan seseorang suami terhadap isterinya sehingga menjadi benci. Begitu juga ilmu pengasih iaitu menjadikan seseorang itu mencintai sesuatu yang tidak disenanginya dengan cara-cara syaitan. Maka sesiapa melakukannya atau redha dengannya maka ia menjadi kafir. Firman Allah s.w.t:

وَمَا يُعْلَمَانِي مِنْ أَحَدٍ حَقِّيْ يَقُولُ إِنَّمَا تَعْذِيْنَ فِتْنَةً فَلَا تَكْفُرُ

"Sedangkan kedua-dua Malaikat itu tidak mengajarkan sibir kepada seseorang pun sebelum mengatakan "Sesungguhnya kami banyalah ujian bagi mu" Sebab itu janganlah kamu kafir." (Al-Baqarah : 102)

Demikianlah secara umum i'tiqad dan ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Keseluruhan fahaman ini perlulah dipelajari secara terperinci kerana ia termasuk dalam ilmu-ilmu farduan yang wajib diketahui oleh setiap muslim.

Bahan rujukan:

1. *I'tiqad Abiussunnah Wal Jamaah* oleh K.H Sirajuddin Abbas, terbitan Pustaka Aman Press Sdn Bhd, tahun 1987.
2. *Asas-asas Akidah* oleh Abdullah Irwani, terjemahan Abdul Majid Abdullah, terbitan Pustaka Salam, tahun 1992.
3. *Majmal Usul Abli Sunnah Wa Al-Jamaah Fi Aqidah* oleh Dr. Nasir b. Abdul Karim Al'Aql, Dar Al-Watan Li An-Nasyr, Riyad, 1411H atau terjemahannya Pilar-pilar Aqidah Islam Abius Sunnah Wal Jamaah terjemahan Drs Shafwan Nawawi,



Yayasan Al-Madani, Indonesia, 1992.

4. *Batas-batas Iman Dan Kufur* oleh Al-Ustaz Sa'id Hawwa,  
terjemahan Mustafa Rashidi, Dewan Pustaka Fajar, Malaysia,  
1983.

